



**KALIMAH-KALIMAH
RINGKAS**

© PERSATUAN KEBUDAYAAN MALAYSIA TURKI
MALAYSIA TURKEY CULTURAL ASSOCIATION (MTCA)

TAJUK	KALIMAH-KALIMAH RINGKAS
ISBN	978-983-44851-8-4
KARANGAN	BEDIUZZAMAN SAID NURSI
PENTERJEMAH	ANWAR FAKHRI BIN OMAR
SENARAI PENYUNTING	HUSSAINI BIN AMRAN
	PROF. DR. ADEM KILICMAN
	KHAIRUL ANUAR BIN MOHD. NAYAN
	NURULWAHIDAH BINTI FAUZI
	AZIZAN BIN TALIB
CETAKAN KEDUA	2021

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan, menyimpan atau menyebarkan mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.

Alamat surat menyurat di Malaysia: No: A-8-4, Idaman Putera
Condominium, Jalan Jernai, 53100 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,
Malaysia

Tel : 0122769944 (Emre Yasar)
0176626110 (Ali Aydogan)

E-mail : emreyasar@yahoo.com
aydogan6366@gmail.com

Alamat Cetakan di Malaysia: Kencana Sdn. Bhd. No.7, Jalan Lengkongan
Brunei, Jalan Pudu, 55100. Kuala Lumpur, Malaysia

DARIPADA KOLEKSI RISALAH AN-NUR

KALIMAH-KALIMAH RINGKAS

Iman dan Amal Adalah Kunci Pintu Syurga



Badiuzzaman Said Nursi



*Penterjemah:
Anwar Fakhri Bin Omar*



Kandungan Buku

Prakata 12

Pendahuluan 14

Kalimah Pertama 15

Kalimah ini mentafsirkan satu rahsia lafaz

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ, daripada banyak rahsia yang penting dengan perumpamaan yang jitu serta menunjukkan betapa bernilainya lafaz ‘Bismillah’ ini yang merupakan satu syiar Islam. Kalimah ini juga mengajarkan kita ucapan بِسْمِ اللَّهِ merupakan zikir seluruh makhluk yang ada mengikut bahasanya sendiri.

Kalimah Kedua..... 21

الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ

Kalimah ini mentafsirkan satu rahsia penting bagi ayat-ayat mengenai keimanan dan pengertian Surah al-Baqarah, ayat 3 yang bermaksud “Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib ...” melalui perumpamaan yang mudah difahami.

Kalimah Ketiga..... 26

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اعْبُدُوا

Kalimah ini mentafsirkan pengertian Surah al-Baqarah, ayat 21 yang bermaksud “Wahai sekalian manusia! Beribadatlah kepada Tuhan kamu ...” dan ayat-ayat yang berkaitan ubudiyah sebagai satu hakikat yang penting melalui perumpamaan yang rasional.

Kalimah Keempat 32

الصَّلَاةُ عِمَادُ الدِّينِ

Kalimah ini mentafsirkan satu rahsia yang penting daripada pengertian Surah an-Nisa, ayat 103 yang bermaksud “Sesungguhnya solat itu adalah kewajipan dan ditentukan waktunya ke atas orang-orang yang beriman” dan ayat-ayat yang berkaitan dengan solat melalui perumpamaan yang mudah difahami dan rasional. Ia juga mendorong kepatuhan bagi sesiapa yang mempunyai keinsafan walaupun sebesar sebutir zarah.

Kalimah Kelima 36

إِنَّ اللَّهَ مَعَ الَّذِينَ اتَّقَوْا وَالَّذِينَ هُمْ مُحْسِنُونَ

Kalimah ini mentafsirkan pengertian Surah al-Nahl, ayat 128 yang bermaksud “Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang bertaqwa dan orang-orang yang berbuat kebaikan” dan ayat-ayat

yang berkaitan tentang taqwa dan ubudiyah serta menunjukkan satu rahsia yang penting bagi meyakinkan seluruh manusia.

Kalimah Keenam.....41

إِنَّ اللَّهَ اشْتَرَىٰ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ بِأَنَّ لَهُمُ الْجَنَّةَ

Kalimah ini menggambarkan satu tafsiran serta rahsia pengertian Surah at-Taubah, ayat 111 yang bermaksud “Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang mukmin, diri dan harta mereka dengan memberikan syurga untuk mereka.” dan ayat-ayat yang berkaitan orang-orang yang berjuang pada jalan dakwah melalui perumpamaan yang jelas. Di samping itu orang-orang yang menjual nafsu dan harta mereka akan memperoleh keuntungan, faedah dalam bentuk lima darjat. Sebaliknya bagi orang-orang yang tidak berbuat demikian mereka akan mendapat kerugian dalam bentuk lima kerugian. Kalimah ini membuka satu pintu yang penting kepada hakikat-hakikat tersebut.

Kalimah Ketujuh.....51

أَمِنْتُ بِاللَّهِ وَبِالْيَوْمِ الْآخِرِ

Kalimah ini mentafsirkan satu rahsia penting bagi pengertian ayat-ayat yang berkaitan “keimanan kepada Allah dan hari akhirat” dan kehidupan dunia melalui perumpamaan yang

mudah difahami. Bagi orang-orang yang lalai, kehidupan ini adalah sesuatu yang amat dahsyat dan kematian atau ajal adalah lebih dahsyat lagi bagi mereka. Tambahan pula mereka menganggap betapa pedihnya keda'ifan dan kefakiran dalam setiap sudut kehidupan dan ibadah. Manakala bagi orang-orang yang beriman, mereka menganggap betapa indahnya kehidupan dunia ini dari sudut batiniyah. Hal ini membuktikan bahawa kubur, ajal, kedaifan dan kefakiran merupakan satu-satunya wasilah kebahagiaan secara mutlak serta petunjuk jalan kepada kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Kalimah Kelapan 61

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ ﴿٢٠٠﴾ إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

Kalimah ini mentafsirkan satu rahsia penting pengertian bagi ayat-ayat, “Sesungguhnya agama (yang diredai) di sisi Allah hanyalah Islam” dan “Allah, tidak ada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia yang Hidup Kekal lagi terus-menerus mengurus (mahluk-Nya)”. Kalimah ini menerangkan hakikat dunia dan peranan manusia di dunia dan peranan agama di sisi manusia melalui perumpamaan yang jelas dan terang. Di samping itu kalimah ini menunjukkan hakikat dunia dan hakikat roh manusia dalam dunia dan nilai agama di sisi insan. Tambahan pula ia membuktikan orang yang tidak beragama adalah malang. Kalimah ini juga merungkai misteri alam ini dan menunjukkan

jalan untuk menyelamatkan roh manusia daripada kegelapan serta ia membuktikan melalui perumpamaan yang halus dan lembut bahawa orang fasik adalah malang dan berada dalam keadaan yang sangat dahsyat.

Kalimah Kesembilan..... 76

فَسُبْحَانَ اللَّهِ حِينَ تُمْسُونَ وَحِينَ تُصْبِحُونَ ﴿٧٦﴾ وَلَهُ
الْحَمْدُ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَعَشِيًّا وَحِينَ تُظْهِرُونَ

Kalimah ini mentafsirkan rahsia yang sangat penting bagi pengertian Surah ar-Rum, ayat 17 dan 18 “Maka bertasbihlah kepada Allah pada waktu kamu berada pada waktu petang hari dan waktu kamu berada pada waktu subuh, dan bagi-Nyalah segala pujian di langit dan di bumi dan pada waktu kamu berada pada waktu petang hari dan pada waktu kamu berada pada waktu Zuhur” ... dan ayat-ayat yang berkaitan dengan solat lima waktu. Di samping itu ia menjelaskan solat lima waktu mengandungi hikmah keistimewaan, keindahan dan kebaikan yang tidak ternilai.

Sehinggakan kalimah ini mendorong seseorang yang mempunyai kewarasan walaupun sebutir zarah supaya tunduk kepada hakikat yang terang dan menyeronokan. Kalimah ini juga menjelaskan melalui satu gambaran yang kuat bahawa sebagaimana jasad manusia memerlukan udara, air dan makanan, maka roh manusia juga memerlukan solat.

Kalimah Kedua Puluh Satu - Maqam Pertama 95

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَوْقُوتًا

Kalimah ini menunjukkan betapa bernilai dan berfaedahnya solat melalui satu jalan yang mudah. Ia juga memberi satu dorongan, motivasi dan galakan untuk bersolat bagi semua muslimin khususnya bagi mereka yang malas melakukannya.

Penutup Kalimah Keempat Belas..... 108

وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ

Kalimah ini adalah pengajaran dan tamparan kuat terhadap mereka yang lalai. Pada akhir kalimah ini terdapat satu amaran keras yang berkesan kepada nafsu al-Ammarah. Barangsiapa yang taat dan patuh kepada hawa nafsunya jika dia membaca dan menerima hakikat dalam kalimah ini, dengan izin Allah dia akan dapat menyelamatkan dirinya daripada menghambakan diri kepada nafsu al-Ammarahnya.

Rahsia Ibadah..... 112

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١﴾ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ فِرَاشًا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أَنْدَادًا وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Dalam risalah ini Ustaz Nursi menerangkan bahawa ibadah meneguhkan akidah serta merupakan asbab bagi kebahagiaan di dunia dan akhirat. Ia juga menyebabkan kehidupan dunia dan akhirat menjadi tersusun dan menjadi sebab kepada kesempurnaan sama ada yang berbentuk peribadi atau kemasyarakatan. Ibadah juga merupakan satu hubungan mulia yang tinggi di antara seorang hamba dengan Penciptanya.

PRAKATA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Kita bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan taufik dan inayat-Nya penterjemahan dan penyuntingan Kalimah-kalimah Ringkas telah selesai dihasilkan. Saya merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat termasuk penterjemah dan penyunting yang telah dengan sukarelanya mengorbankan masa dan tenaga mereka.

Badiuzzaman Said Nursi (1877-1960) adalah seorang ulama Ahli Sunnah wal Jamaah yang melalui kehidupan pada zaman akhir pemerintahan Khalifah Uthmaniyah dan pada awal pemerintahan sekular kerajaan Republik Turki. Ulama yang tersohor ini berusaha membangunkan kembali masyarakat Islam Turki yang ketika itu telah tenggelam dalam lembah kemunduran duniawi dan ukhrawi. Beliau mengambil pendekatan ajaran tasawuf melalui tulisan-tulisan khazanah Risalah an-Nur yang mempunyai pendekatan yang menyinari akal dan mengukuhkan jiwa serta roh para pembaca.

Buku ini mengandungi beberapa bahagian daripada bab-bab kecil yang terdapat di dalam beberapa kitab Risalah an-Nur yang disusun semula oleh Ustaz Badiuzzaman Said Nursi untuk dijadikan satu buku kecil yang menyatukan soal-soal pengukuhan keimanan dan hal-hal yang berkaitan dengan kesepaduannya melalui ibadah dan amal. Saya merasakan bab-bab dalam buku ini mempunyai hubungan yang rapat sekali dan patut dihayati bersama sebagai satu fahaman yang menyeluruh dalam membantu umat Islam di Malaysia, khususnya menghadapi berbagai cabaran zaman moden.

Semoga segala usaha murni seperti ini dapat diteruskan dan dimanfaatkan oleh masyarakat dengan mendapat keredaan Allah SWT.

Y. Bhg. Dato' Haji Wan Zahidi Wan Teh

Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan

Bekas Mufti Wilayah Persekutuan

PENDAHULAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasihani

وَبِهِ نَسْتَعِينُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Dan kepada-Nya sahajalah kami memohon pertolongan. Segala pujian bagi Allah SWT, Tuhan (*Rabb*) sekalian alam, dan selawat dan salam ke atas penghulu kita Muhammad SAW, keluarga dan semua sahabat baginda.

Wahai saudara! Anda mahukan beberapa nasihat daripada saya. Oleh kerana anda ialah seorang tentera maka dengarlah tamsil yang terdapat dalam lapan cerita pendek berikutnya bersama jiwa saya dalam bentuk ketenteraan. Hal ini adalah kerana, saya menganggap jiwa saya sendiri memerlukan lebih banyak nasihat berbanding sesiapa sahaja. Pada suatu ketika, saya telah mengingatkan jiwa saya dengan panjang lebar tentang lapan kalimah yang diilhamkan daripada lapan ayat al-Quran yang telah saya dapat manfaatnya ini. Sekarang, saya akan menasihatkan jiwa saya dengan kalimah-kalimah yang sama, tetapi secara ringkas dan dalam bahasa orang biasa. Sesiapa yang berhasrat, dengarlah bersama saya.

KALIMAH PERTAMA

بِسْمِ اللَّهِ (Dengan nama Allah) adalah induk bagi segala kebaikan dan permulaan bagi setiap urusan. Kita juga akan bermula dengannya. Wahai diri, ketahuilah! Sesungguhnya, kalimah yang indah dan berkat ini, di samping menjadi syiar Islam, ia juga merupakan zikir seluruh makhluk yang ada mengikut bahasanya sendiri.

Sesungguhnya, بِسْمِ اللَّهِ mempunyai kekuatan agung yang tidak pernah luput dan keberkatan yang tidak pernah berakhir. Jika engkau mahu mengetahui sejauh mana kekuatannya, maka dengarlah wahai diri akan tamsil dalam hikayat yang ringkas ini seperti berikut:

Sesungguhnya seorang Badwi yang berkelana di padang pasir tentu akan berlindung dengan seorang ketua kabilah, bernaung di bawah naungannya agar terselamat daripada segala kejahatan musuh, dan terlaksana segala tugas serta memperoleh segala keperluannya. Sekiranya tidak, maka dia akan kekal keseorangan, terpinga-pinga dan tercengang-cengang di hadapan musuh yang terlalu ramai dan keperluannya yang tidak terbatas.

Begini... kebetulan dua orang lelaki keluar berkelana dan memasuki padang pasir. Salah seorang daripadanya bersifat tawaduk dan seorang lagi pula terpedaya dengan dirinya

sendiri. Maka yang tawaduk itu memilih untuk bernaung di bawah seorang ketua kabilah, manakala yang terpedaya tadi menolak daripada menerima sebarang naungan. Orang yang bernaung tadi meneruskan perjalanannya dengan selamat. Apabila dia berjumpa dengan perompak dia akan berkata, “Aku berkelana di bawah naungan ketua itu.” Lalu si perompak tadi meninggalkannya dan tidak mengganggunya. Jika dia memasuki sesebuah khemah dia menerima penghormatan dan penghargaan disebabkan kemuliaan nama ketua kabilah tersebut. Orang yang terpedaya pula, dalam perjalanannya dia bertembung dengan pelbagai musibah dan kecelakaan yang tidak mampu diungkapkan. Dia sentiasa berada dalam keadaan cemas, takut dan terpinga-pinga, lalu dia mengutuk dan mengeji dirinya sendiri.

Wahai diri yang terpedaya! Engkaulah si Badwi yang berkelana itu. Dunia yang luas inilah padang pasirnya. Kedaifan dan kefakiranmu tidak terbatas sebagaimana musuh dan keperluanmu juga tidak berkesudahan. Sekiranya demikian, bernaunglah engkau dengan nama Sultan Yang Abadi dan Hakim Yang Azali sebenar di padang pasir tersebut, agar engkau terselamat daripada kelihatan terpinga-pinga di hadapan alam ini dan daripada kejinya perasaan takut apabila berhadapan dengan musibah.

Ya! Sesungguhnya kalimah suci ini umpama khazanah besar yang tidak akan pernah berkurangan isinya kerana dengan kalimah inilah kedaifan dan kefakiranmu akan bergantung kepada rahmat yang maha luas dan kuasa yang

amat hebat sehinggakan akhirnya kedaiifan dan kefakiranmu itu akan menjadi syafaat di sisi Tuhan Yang Maha Berkuasa lagi Maha Penyayang.

Sesungguhnya orang yang bergerak dengan kalimah suci ini adalah seperti seorang yang telah berdaftar dalam ketenteraan, berurusan atas nama negara dan tidak gentar kepada sesiapa pun. Dia memberi arahan atas “nama undang-undang dan negara”. Maka terlaksanalah segala urusannya dan tetaplah pendiriannya dalam menghadapi semua perkara.

Kita telah menyebut pada permulaan tadi bahawa semua makhluk berzikir dengan bahasanya yang tersendiri, iaitu dengan menyebut بِسْمِ اللّٰهِ. Adakah seperti ini?

Ya! Sebagaimana engkau melihat seorang lelaki yang telah datang dan memerintahkan semua penduduk di dalam bandar ke satu tempat dan memaksa mereka melakukan pelbagai jenis urusan. Maka sesungguhnya engkau pasti bahawa lelaki itu bukan mewakili dirinya sendiri dan tidak pula memerintah orang ramai atas nama dan kekuatan dirinya sendiri, tetapi dia sebenarnya ialah seorang askar yang bertindak atas nama negara dan bersandar kepada kuasa seorang pemerintah.

Seerti itu juga, seluruh makhluk bergerak atas nama Allah Yang Maha Berkuasa, sebagaimana benih-benih yang teramat kecil menjunjug di atas kepalanya pohonan yang besar dan bebanan yang berat seperti gunung. Hal ini bermakna setiap pohon mengucapkan بِسْمِ اللّٰهِ dan

memenuhi dahan-dahannya dengan buah-buahan daripada khazanah rahmat Ilahi, dipersembhkannya kepada kita. Setiap taman mengucapkan **بِسْمِ اللَّهِ**, lalu ia menjadi seumpama sebuah periuk daripada dapur kekuasaan Allah SWT dengan di dalamnya terdapat pelbagai jenis makanan yang lazat dimasak bersama-samanya. Setiap lembu, unta, biri-biri, kambing, dan haiwan-haiwan ternakan yang diberkati mengucapkan **بِسْمِ اللَّهِ** menjadikan mereka seperti sumur yang memancutkan susu yang teramat lazat dari saluran rahmat-Nya. Dipersembhkannya kepada kita makanan yang terbaik dan paling bersih atas nama ar-Razzaq. Setiap akar tumbuhan, pokok-pokok dan rumput-rumpai yang lembut seperti sutera mengucapkan **بِسْمِ اللَّهِ** lalu memecahkan batu-batu yang keras dan menembusi tanah. Dengan mengucapkan atas nama Allah dan atas nama-Nya ar-Rahman setiap benda tunduk kepadanya.

Ya, menjalarnya dahan-dahan di udara dengan mengendong buah-buahan, dan menjalarnya akar-akar dalam batu yang keras dan tanah dengan menyimpan makanan dalam kegelapan, juga dedaunan hijau yang halus menanggung kepanasan yang amat sangat dengan menyimpan air sehingga beberapa bulan dan dikekalkan dalam keadaan segar, sesungguhnya hal tersebut merupakan satu tamparan hebat terhadap golongan materialistik dan menusuk jari ke dalam mata mereka yang buta, dan berkata: Sesungguhnya bahan-bahan yang kamu banggakan disebabkan kekerasan dan kepanasannya juga tidak mampu memberi kesan dengan sendiri, bahkan kedua-duanya

itu dapat menjalankan tugasnya atas arahan pemerintah yang satu, yang menjadikan akar-akar yang lembut dan halus itu seolah-olah tongkat Nabi Musa (a.s.) yang dapat memecahkan batu dan tunduk kepada perintah

فَقُلْنَا اضْرِبْ بِعَصَاكَ الْحَجَرَ

(Lalu Kami berfirman pukullah batu itu dengan tongkatmu), (*surah al-Baqarah:60*); yang menjadi dedaunan yang sangat lembut dan segar seolah-olah anggota badan Nabi Ibrahim (a.s.) yang ketika menghadapi kepanasan membaca

يَا نَارُ كُونِي بَرْدًا وَسَلَامًا

(...wahai api jadikanlah diri kamu sejuk dan selamat ke atas Ibrahim), (*surah al-Anbiya':69*)

Selagi setiap kewujudan di alam ini mengungkapkan **بِسْمِ اللَّهِ** secara maknawi dan mengundang nikmat-nikmat Allah dengan **بِسْمِ اللَّهِ**, lalu dipersembhkannya kepada kita, maka wajarlah kita juga mengucapkan **بِسْمِ اللَّهِ**, apabila kita memberikan sesuatu atas nama Allah dan mengambil sesuatu atas nama Allah. Oleh itu, kita sepatutnya menolak pertolongan daripada golongan yang lalai yang tidak memberikan sesuatu atas nama Allah.

Persoalan: Kita memberikan penghormatan kepada khadam yang membawa dulang hadiah. Apakah balasan yang diminta oleh pemilik hakiki iaitu Allah SWT daripada kita?

Jawapannya: Sesungguhnya, Pemberi Nikmat Yang Hakiki itu meminta daripada kita tiga perkara sebagai bayaran kepada nikmat-nikmat-Nya yang tidak ternilai itu, pertama adalah zikir, kedua syukur dan ketiga fikir.

Maka mengucapkan **بِسْمِ اللَّهِ** pada permulaan adalah zikir, **الْحَمْدُ لِلَّهِ** pada akhirnya adalah syukur. Manakala, memerhati dan berfikir di antara kedua-dua ini daripada nikmat-nikmat-Nya dan seni-seni-Nya yang indah dan bernilai adalah mukjizat daripada Yang Maha Esa lagi as-Samad, serta semuanya itu adalah hadiah daripada rahmat-Nya adalah fikir.

Betapa bodohnya mencium kaki seorang khadam yang rendah martabatnya yang membawa hadiah yang bernilai daripada seorang penguasa kepada anda, tetapi anda tidak peduli untuk mengenali pemberi hadiahnya dengan memberi kasih sayang serta menghormati pembawa nikmat yang zahir itu dan melupakan Pemberi Nikmat Yang Hakiki adalah lebih dahsyat seribu kali ganda kebodohnya.

Wahai diri! Jika anda tidak mahu menjadi seperti si bodoh tadi, maka berilah dengan nama Allah, ambillah dengan nama Allah, bermulalah dengan nama Allah dan bekerjalah dengan nama Allah. Wassalam.

KALIMAH KEDUA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah, Yang Maha Pemurah, Lagi Maha Penyayang

الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ

“...Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib.” (*al-Baqarah, ayat 3*)

Sekiranya anda ingin memahami betapa hebatnya kebahagiaan dan kenikmatan, serta betapa besarnya kelazatan dan kerehatan yang terdapat dalam keimanan kepada Allah, dengarlah kisah pendek dalam bentuk tamsil ini:

Pada suatu ketika, dua orang lelaki keluar berjalan-jalan untuk tujuan rekreasi dan perniagaan. Seorang daripadanya, iaitu lelaki yang pertama, mempunyai sifat yang mementingkan diri sendiri dan pesimis, mengambil jalan menuju ke satu arah, manakala seorang lagi yang soleh dan bernasib baik mengambil jalan pada arah yang lain.

Lelaki yang pesimis itu melihat negeri yang didatanginya sebagai tempat yang teruk dan paling buruk kerana telah diwarnai oleh sikap pesimisnya. Pada arah mana sahaja yang dilihatnya, terdapat manusia malang yang ditindas dan meratap dengan penuh penyesalan ke atas penindasan dan kekerasan oleh orang-orang yang zalim serta daripada tindakan-tindakan mereka yang memusnahkan. Dia

melihat suasana yang menyedihkan ini di semua tempat yang dilawatinya, sehingga seluruh negeri tersebut pada pandangannya menjadi sebuah tempat perkabungan yang besar. Dengan keadaan yang dilihatnya, dia tidak dapat mencari jalan lain untuk melupakan dan menghilangkan keadaan yang menyedihkan ini kecuali dengan memabukkan dirinya sendiri. Semua orang kelihatan baginya sebagai musuh dan orang asing. Dia nampak di sekelilingnya mayat-mayat yang dahsyat dalam keadaan menggerunkan dan anak-anak yatim yang menangis kehampaan. Hal ini telah menjadikan lubuk hati nuraninya amat terseksa.

Lelaki yang seorang lagi ialah seorang yang soleh, taat, berfikiran waras dan berakhlak mulia dengan pandangan yang sangat baik pada negeri yang didatanginya itu. Lelaki yang baik ini menyaksikan kegembiraan sejagat di setiap tempat yang dilewatinya. Di arah mana sahaja terdapat perayaan yang menggembirakan, tempat untuk berzikir (mengingati Allah) yang melimpah-ruah dengan laungan kegembiraan yang bersangatan. Bagi dirinya setiap orang umpama kawan dan sahabat yang baik. Di seluruh negara dia melihat perayaan-perayaan dan pelepasan am daripada tugas, diiringi dengan laungan kesyukuran dan puji-pujian. Dia juga mendengar suara gendang dan pancaragam menyambut kedatangan tentera yang direkrut dengan laungan takbir (الله أكبر) dan tahlil (الْحَمْدُ لِلَّهِ) dengan penuh kegembiraan dan semangat. Berbeza pula dengan lelaki pertama tadi yang berada dalam keadaan meruntun jiwa dengan penderitaan dirinya dan semua orang yang

dilihatnya seolah-olah dalam keadaan menyedihkan manakala lelaki kedua yang beruntung ini bergembira dan berasa senang bersama-sama semua penduduk negeri itu. Lebih-lebih lagi, beliau dapat melakukan perdagangan yang menguntungkan. Dengan itu, dia menyatakan kesyukuran terhadap Allah SWT.

Kemudian, dalam perjalanan pulang dia bertemu dengan lelaki pertama tadi dan memahami keadaannya lalu berkata kepadanya, “Kamu sudah menjadi gila. Keburukan yang ada dalam dirimu telah terjelma keluar pada zahir kamu dan menyebabkan kamu membayangkan ketawa itu sebagai tangisan dan pelepasan daripada tugas sebagai perlucutan jawatan dan perampasan. Kembalilah kepada kewarasan kamu dan bersihkanlah hati kamu agar hijab musibah itu tersingkap dari mata kamu supaya kamu boleh nampak hakikatnya yang jelas dan nyata. Sesungguhnya kerajaan seperti ini, rajanya yang sangat adil, penuh dengan belas kasihan, menyayangi rakyat, berkuasa, berdisiplin dan lemah lembut, tambahan lagi negara ini telah menunjukkan kemajuan dan pencapaian yang jelas dengan bukti-bukti yang banyak, tidak seperti apa yang kamu bayangkan sama sekali.”

Lelaki yang tidak bernasib baik itu kemudiannya kembali kepada kewarasannya dan bertaubat. Dia berkata, “Ya, saya telah menjadi tidak waras melalui minuman keras, semoga Allah merahmati kamu. Kamu telah menyelamatkan saya dari situasi seperti neraka kecelakaan.”

Wahai jiwaku! Ketahuilah bahawa lelaki pertama ialah

orang kafir atau orang fasik yang lalai. Pada pandangannya, dunia ini adalah rumah perkabungan yang menyeluruh. Semua makhluk yang hidup adalah seperti anak-anak yatim yang menangis akibat ditimpa oleh pukulan kematian dan tamparan perpisahan. Juga manusia dan haiwan terbiar bersendirian tanpa penjaga dan pemilik, dirobekkan oleh cengkaman ajal yang telah ditetapkan. Benda-benda besar yang wujud seperti gunung dan lautan adalah tidak bernyawa seumpama mayat-mayat yang sangat dahsyat. Bayangan-bayangan yang sangat dahsyat, menyedihkan, menghancurkan dan menyakitkan yang lahir daripada kekufuran dan kesesatan lelaki itu menjerumuskannya ke dalam azab maknawi yang pedih.

Manakala lelaki yang seorang lagi, dia ialah seorang mukmin. Dia mengenal dan mengakui kewujudan Allah SWT. Pada pandangannya dunia ini adalah sebuah tempat untuk berzikir di mana Tuhan Yang Maha Pemurah sentiasa disebut. Ia juga adalah tempat pengajaran dan latihan bagi manusia dan binatang, serta medan ujian bagi manusia dan jin. Semua kematian haiwan dan manusia adalah pelepasan tugas, iaitu mereka yang telah menyelesaikan tugasnya berlepas dari dunia yang fana ini dengan kegembiraan maknawi untuk pergi ke alam yang tanpa masalah, supaya tempat mereka itu dikosongkan untuk memberi ruang kepada mereka yang baru datang bertugas. Kelahiran haiwan dan manusia menandakan pengerahan mereka ke dalam ketenteraan dengan diberikan senjata latihan untuk memulakan tugas dan kewajipannya. Setiap makhluk yang hidup ialah seorang tentera yang gembira, pegawai yang

jujur dan berpuas hati dengan tugasannya. Dan semua suara yang kedengaran adalah sama ada zikir atau tasbih pada permulaan tugas, dan juga kata-kata syukur dan kegembiraan pada penamatnya, ataupun ia adalah irama-irama yang didendangkan dalam kegembiraan mereka semasa bertugas. Pada pandangan mukmin ini, semua makhluk ialah hamba-hamba Tuhan Yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih yang mesra, petugas-petugas yang baik hati dan seumpama kitab-kitab yang menyenangkan. Banyak lagi perkara yang lebih halus, mulia dan lazat serta hakikat yang manis seperti ini muncul dan zahir dari keimanannya itu.

Sebenarnya, keimanan kepada Allah mengandungi satu biji benih maknawi dari Pokok Tuba di syurga, sementara kekufuran menyembunyikan satu biji benih maknawi Pokok Zaaqum neraka.

Hal ini bermakna, keselamatan dan kesejahteraan hanya berada dalam Islam dan keimanan. Oleh itu, kita mesti sentiasa mengucapkan,

(الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى دِينِ الْإِسْلَامِ وَكَمَالِ الْإِيمَانِ)

(Segala pujian bagi Allah atas agama Islam dan kesempurnaan iman.)

KALIMAH KETIGA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasihani

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اعْبُدُوا

“Wahai sekalian manusia! Beribadatlah...” (*al-Baqarah, ayat 21*)

Jika anda ingin memahami betapa ibadat adalah perniagaan yang agung dan kebahagiaan yang besar, serta betapa mengikut hawa nafsu dan tindakan bodoh akan menyebabkan kerugian, juga kemusnahan yang besar, perhatikan dan dengarlah tamsil dalam bentuk hikayat berikut:

Suatu ketika, dua orang tentera menerima arahan untuk pergi ke sebuah bandar yang jauh. Lalu kedua-duanya pun berjalan sehingga mereka tiba di satu persimpangan jalan. Di situ ada seorang lelaki, lalu beliau berkata kepada mereka, “Jalan di sebelah kanan tidak menyebabkan kerugian sama sekali, dan sembilan dari sepuluh orang yang melaluinya mendapat keuntungan yang banyak dan kesenangan yang besar. Manakala jalan di sebelah kiri tidak memberikan keuntungan dan sembilan dari sepuluh orang yang melaluinya mendapat kerugian. Walau bagaimanapun, kedua-dua jalan ini sama jaraknya. Hanya terdapat satu perbezaan, iaitu mereka yang mengambil jalan kiri tidak mempunyai peraturan dan tiada kerajaan yang berkuasa,

tanpa bebanan bagasi dan senjata. Pada zahirnya mereka berasa keringanan dan kesenangan yang menipu. Manakala askar yang melalui jalan sebelah kanan berada di bawah perintah ketenteraan, perlu membawa beg kelengkapan penuh dengan makanan berkhasiat seberat empat okka¹ (5.2 kg) dan senapang tentera yang canggih kira-kira dua Kiyye¹ (2.6 kg) yang akan mengalahkan dan menewaskan setiap musuh.”

Selepas kedua-dua orang askar mendengar daripada penunjuk jalan tersebut, orang yang bernasib baik mengambil jalan ke kanan. Dia memikul bebanan satu batman¹ (7.5 kg) di belakangnya, tetapi hati dan rohnya diselamatkan daripada meminta-minta dan ketakutan yang beratnya beribu-ribu batman.

Manakala seorang askar lagi yang tidak bernasib baik telah mengambil keputusan untuk meninggalkan khidmat ketenteraan. Dia tidak mahu mengikut arahan lalu mengambil jalan ke kiri. Dia membebaskan badannya daripada memikul beban satu batman tetapi hatinya mengalami bebanan ribuan batman dan rohnya dihimpit oleh ketakutan yang tidak terhitung beratnya. Dia meneruskan perjalanannya dengan mengemis daripada semua orang dan terketar-ketar di hadapan segala sesuatu. Sehingga apabila tiba ke destinasi yang ditujuinya, dia dihukum sebagai pemberontak dan pembelot kerana melarikan diri dari

¹ *Okka*, Lebih kurang 2.8 lbs. atau 1,300 gram.

Kiyye, adalah nama yang sama bagi okka.

Batman, 2-8 atau 5 – 30 lbs.

tugasannya.

Bagi askar yang menyukai perintah tentera yang diterimanya, beliau telah menjaga alat-alat kelengkapan dan senapangnya, serta mengambil jalan yang kanan pula, berjalan dengan tidak berasa bimbang, tidak gentar terhadap sesiapa pun, hatinya tenang dan perasaannya lapang sehingga dia sampai ke kota yang ditujuinya. Di sana, dia menerima ganjaran yang selayaknya bagi seorang askar kerana berjaya melaksanakan tugasnya dengan penuh tanggungjawab dan ketaatan.

Wahai jiwaku yang degil! Ketahuilah bahawa salah seorang daripada pengembara itu mewakili orang yang tunduk kepada Hukum Ilahi, sedangkan yang seorang lagi mewakili orang yang derhaka serta mengikuti kehendak hawa nafsunya sendiri. Jalan itu ialah jalan kehidupan yang berasal dari alam roh, melintasi kubur dan menuju ke akhirat. Bebanan beg peralatan tentera dan senapang adalah ibadat dan takwa. Meskipun ibadat kelihatan membebankan pada zahirnya tetapi ia adalah kerehatan dan keringanan yang tidak dapat digambarkan, kerana dalam solat, seorang

abid mengucapkan **أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ** (Aku bersaksi bahawa tidak ada tuhan selain Allah). Maksudnya, “Tiada Pencipta dan Pemberi Rezeki melainkan Dia, manfaat dan kemudaratannya dalam genggamannya, Dia adalah Tuhan Yang Maha Bijaksana, tidak melakukan sesuatu yang sia-sia, sebagaimana dia adalah Tuhan Yang Maha Mengasihani, yang luas ihsan dan rahmat-Nya.” Si mukmin yang abid itu yakin dengan apa yang diucapkannya. Oleh

itu, dia mendapati pada setiap perkara satu pintu terbuka yang membawanya kepada khazanah rahmat Ilahi, lalu dia mengetuk pintu tersebut dengan berdoa. Dia juga nampak bahawa segala sesuatu yang ada, semuanya tunduk kepada perintah Tuhannya, maka dia pun memohon perlindungan dengan-Nya. Dia bersandar kepada tawakal sebagai benteng dalam menghadapi setiap musibah. Maka keimanannya itu menganugerahkannya keamanan yang sempurna.

Sesungguhnya, sumber keberanian sama seperti sumber segala sifat kebaikan yang hakiki adalah iman dan ubudiyah. Manakala sumber setiap sifat pengecut sama seperti sumber segala sifat buruk adalah kesesatan dan kebodohan!

Malah, seorang hamba Allah yang mempunyai hati nurani yang penuh bercahaya, mungkin jika bumi ini menjadi bom dan meletup, ia tetap tidak akan menakutkannya. Dia akan menyaksikannya dengan penuh keajaiban yang mengasyikkan sebagai kehebatan daripada Kudrat Tuhan Yang Maha Mencukupi lagi Kekal Abadi (Qudrah Samadaniyyah). Manakala seorang ahli falsafah yang terkenal kononnya dengan apa yang didakwanya fikiran yang bersinar, namun hakikatnya mempunyai hati yang mati, apabila melihat komet di langit, justeru gementar hatinya ketika memijak bumi, lalu berkata dengan penuh kebimbangan, “Bukankah komet itu akan melanggar bumi ini?” Lalu dia terjerumus ke lembah keraguan. (Pada suatu ketika, rakyat Amerika pernah gementar dengan ketakutan terhadap komet seperti itu, akibatnya ramai yang telah meninggalkan rumah mereka pada tengah malam.)

Ya, walaupun manusia terdedah kepada keperluan yang tiada terhad, tetapi dia hanya berbekalkan modal yang hampir tiada. Dia juga ditimpa musibah yang tiada penghujung, meskipun kekuatannya adalah hampir sifar. Ringkasnya, modal dan lingkaran kuasanya hanya boleh sampai sejauh yang dapat digapai oleh tangannya, walaupun harapan, keinginan, kesakitan dan kesusahannya seluas saujana mata memandang dan sejauh imaginasi menerawang. Oleh itu, alangkah perlunya bagi roh manusia yang lemah, daif dan miskin ini kepada hakikat ibadat, tawakal, tauhid dan penyerahan diri. Alangkah besarnya keuntungan, kebahagiaan dan kenikmatan yang diperolehi daripada hakikat-hakikat tersebut dan mereka yang tidak buta sepenuhnya, pasti akan dapat melihat dan memahaminya.

Sesungguhnya, jalan yang tidak berbahaya adalah lebih dipilih untuk dilalui daripada jalan yang berbahaya, walaupun kemungkinan manfaatnya hanya satu persepuluh. Namun dalam beribadah, yang menjadi masalah utama kita di sini, di samping ia tidak memudaratkan dan terdapat sembilan persepuluh kemungkinan ia mengundang pada khazanah kebahagiaan abadi serta keselamatan. Manakala jalan kefasikan dan kebodohan -dengan perakuan orang yang fasik itu sendiri- di samping ia tidak bermanfaat, ia juga adalah penyebab kecelakaan dan kemusnahan abadi, bahkan adalah diyakini ia penyebab kerugian pada tahap sembilan per sepuluh. Dan inilah perkara yang disepakati secara ijmak dan mutawatir oleh bilangan yang tidak terkira dalam kalangan ahli ikhtisas (pakar bidang). Ia juga adalah

keyakinan yang terbukti berdasarkan perkhabaran ahli dhauq dan kasyaf. Oleh itu, orang yang fasik yang melalui jalan yang berdosa dan keji ini akan berakhir dengan kesengsaraan yang kekal abadi.

Kesimpulannya: Seperti di akhirat, kebahagiaan di dunia ini terletak dalam beribadah serta menjadi seorang askar kepada Allah SWT. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa mengucapkan:

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى الطَّاعَةِ وَالتَّوْفِيقِ

“Segala pujian bagi Allah kerana ketaatan kepada-Nya dan taufik yang diberikan” dan kita hendaklah bersyukur kepada-Nya bahawa kita adalah orang Islam.

KALIMAH KEEMPAT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasihani

الصَّلَاةُ عِمَادُ الدِّينِ

Solat yang ditetapkan adalah tiang agama.²

Jika anda ingin mengetahui nilai dan kepentingan solat, dan betapa ia amat mudah untuk dilaksanakan dan dicapai tanpa keperluan yang banyak, dan bahawa sesiapa yang tidak mendirikaninya dan tidak menunaikannya ialah seorang yang bodoh dan rugi. Ya, jika anda ingin mengetahui tentang kesemuanya itu dengan penuh keyakinan, sebagaimana keyakinan anda terhadap dua didarab dengan dua menjadi empat, maka perhatikanlah hikayat tamsil yang ringkas ini:

Pada suatu ketika, seorang penguasa besar telah memberikan dua orang hambanya sebanyak 24 keping wang emas dan menghantar mereka untuk menetap di salah sebuah ladangnya yang indah dengan jarak dua bulan perjalanan. Dia memerintahkan mereka dengan berkata, “Gunakan wang ini untuk tiket dan keperluan perjalanan serta untuk membeli barang-barang keperluan semasa tinggal di sana. Terdapat satu stesen yang jaraknya satu hari perjalanan. Di sana juga terdapat pelbagai bentuk pengangkutan seperti

² *Tirmidhi, Imam, 8; Ibn Majah, Fitah, 12; Musnad, v,231; al-Hakim, al-Mustadrak,ii,76*

kereta, kapal laut, kereta api dan kapal terbang. Semua ini boleh dinaiki sesuai dengan modal anda.”

Kedua-dua orang hamba itu memulakan perjalanan selepas menerima arahan penguasa tersebut. Salah seorang daripada mereka bernasib baik, dia hanya menghabiskan sedikit wang dalam perjalanan ke stesen. Termasuk dalam perbelanjaan itu, dia gunakan untuk perniagaan yang baik serta menggembirakan tuannya dan modalnya ditingkatkan 1000 kali ganda.

Bagi hamba yang kedua, dia kurang bernasib baik dan bodoh, menghabiskan 23 keping emas dalam perjalanan ke stesen, dengan membazirkannya dalam perjudian dan hiburan, menyebabkan hanya sekeping emas yang tinggal. Lalu kawannya berkata kepadanya, “Gunakan kepingan emas terakhir tersebut untuk membeli satu tiket supaya anda tidak perlu berjalan jauh dan menyebabkan kelaparan. Juga, tuan kita ialah seorang yang pemurah, mungkin dia akan mengasihani anda dan memaafkan kesalahan anda. Serta meletakkan anda pada satu pesawat, maka kita akan pergi pada hari yang sama ke destinasi yang akan kita diami. Jika tidak, anda terpaksa berlapar dengan berjalan kaki bersendirian di padang pasir yang akan mengambil masa dua bulan untuk merentasinya.”

Jika orang itu tetap berdegil dan tidak menggunakan satu lira yang berbaki untuk membeli tiket perjalanan yang merupakan kunci khazanah yang luas, tetapi membelanjakannya untuk melakukan maksiat dan melampiasikan keinginan untuk memperoleh kelazatan

yang sementara, maka bukankah itu bermakna dia ialah seorang yang benar-benar celaka, rugi, bodoh dan dungu? Bukankah orang yang paling bodoh pun boleh memahami hakikat ini?

Wahai orang-orang yang tidak melaksanakan solat! Wahai jiwaku yang tidak suka bersolat! Penguasa besar dalam perbandingan itu ialah Tuhan (Rabb) kita dan Pencipta kita. Daripada kedua-dua hamba yang mengembara itu, orang yang pertama ialah seorang soleh yang melakukan solatnya dengan bersungguh-sungguh manakala yang kedua, merupakan seorang manusia lalai yang mengabaikan solatnya. Dua puluh empat keping emas itu adalah masa kehidupan 24 jam sehari kita. Manakala ladang istimewa yang indah itu adalah Syurga. Stesen itu pula adalah kubur. Perjalanan itu pula adalah laluan manusia ke kubur, mahsyar (tempat dibangkitkan) dan negeri keabadian. Manusia merentasi perjalanan panjang ini dengan kepantasan yang berbeza-beza berdasarkan darjah amal dan ketakwaannya. Sebahagian manusia dalam kalangan orang-orang yang bertakwa dapat menyeberangi jarak 1000 tahun dalam sehari seperti kilat manakala sebahagian lagi ada yang melintasi jarak 50,000 tahun dalam sehari dengan kelajuan khayalan. al-Quran Yang Agung merujuk kepada hakikat ini melalui dua ayatnya.³ Tiket dalam perbandingan ini adalah solat. Satu jam cukup untuk solat lima waktu termasuk dengan mengambil wuduknya sekali.

Alangkah besarnya kerugian seseorang yang

3 As-Sajdah, ayat 5 dan dan al-Ma'arij, ayat 4

menghabiskan 23 jam bagi kehidupan duniawinya yang sementara ini, dan gagal menghabiskan satu jam untuk kehidupan akhiratnya yang kekal abadi. Alangkah zalimnya dia terhadap dirinya sendiri, dan alangkah tidak waras tindakannya ini! Adakah masuk akal, jika seseorang memperjudikan separuh hartanya dengan membeli loteri di mana 1000 orang mengambil bahagian dalam perjudian itu, dengan kemungkinan kemenangan hanya satu dalam 1000, tetapi tidak memberikan satu per dua puluh empat untuk perbendaharaan yang kekal abadi dengan keuntungannya telah dijamin sebanyak 99 peratus? Sesiapa yang menganggap dirinya waras akan memahami betapa tingkah laku yang sedemikian bertentangan dengan akal fikiran dan kebijaksanaan, dan sejauh mana dia telah terpesong.

Lagipun dalam solat, roh, kalbu, dan akal akan mendapat kerehatan yang besar dan ia bukanlah tugas yang memberatkan badan. Selain itu, dengan niat yang betul, semua amalan duniawi yang diharuskan oleh orang yang melaksanakan solat akan dikira sebagai ibadah. Dengan cara ini, dia boleh menjadikan seluruh modal hidupnya untuk akhirat, serta membuatkan kehidupannya yang sementara di dunia ini berkekalan di akhirat nanti...

KALIMAH KELIMA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasihani

إِنَّ اللَّهَ مَعَ الَّذِينَ اتَّقَوْا وَالَّذِينَ هُمْ مُحْسِنُونَ

Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang bertakwa, dan orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya. (*an-Nahl, ayat 128*)

Sekiranya anda ingin melihat bagaimana melaksanakan solat dan tidak melakukan dosa besar merupakan tugas hakiki insan, dan betapa ia adalah fitrah yang sesuai dengan natijah penciptaannya, maka perhati dan dengar serta ambil perhatianlah terhadap tamsil dari hikayat berikut:

Pada satu masa, ketika kerahan tentera untuk berperang, dua orang askar mendapati diri mereka bersama-sama dalam satu rejimen. Askar yang pertama ialah seorang yang terlatih dan bersungguh-sungguh melaksanakan kewajibannya, manakala yang seorang lagi ialah seorang rekrut yang belum terlatih dan mengikut hawa nafsunya dengan bersungguh-sungguh. Askar yang terlatih menumpukan perhatiannya terhadap latihan dan urusan jihad, dan dia langsung tidak memikirkan tentang makanan dan keperluan bekalan hidupnya. Hal ini adalah kerana dia tahu dengan yakin bahawa urusan memberi makan, melengkapi keperluan, merawat jika dia sakit, sehingga meletakkan makanan di mulutnya jika perlu, itu semuanya

adalah kewajiban kerajaan. Tugas utamanya hanyalah untuk berlatih dan berjihad. Tetapi dia juga akan melaksanakan urusan keperluan harian dan peralatan sebagai sebahagian daripada tugasnya. Dia juga membantu dalam urusan memasak, mencuci periuk dan mengangkatnya. Jika ditanya kepadanya, “Apakah yang sedang kamu lakukan?” Dia akan menjawab, “Saya sedang melakukan tugas-tugas kerajaan.” Dia tidak akan berkata, “Saya melakukan ini untuk keperluan kehidupan saya sendiri.”

Manakala rekrut baru yang selalu memikirkan perutnya itu pula tidak mempedulikan latihan dan peperangan. Dia berkata, “Itu adalah urusan kerajaan, apakah kaitannya dengan saya?” Dia selalu berfikir dan sentiasa mengejar keperluan kehidupannya, dengan meninggalkan rejimen itu serta pergi ke pasar untuk membeli belah.

Pada suatu hari, kawannya yang terlatih itu berkata kepadanya, “Wahai saudaraku, kewajiban asas kamu adalah latihan dan persediaan peperangan. Kamu dibawa ke sini untuk itu. Percayalah kepada raja. Dia tidak akan membiarkan kamu lapar. Itu adalah tugasnya. Kamu juga adalah lemah dan fakir, dan tidak mampu mendapatkan makanan di mana-mana sahaja. Waktu ini adalah masa berjihad dan kerahan peperangan. Juga orang akan mengatakan anda ialah seorang pembelot dan anda akan dihukum. Ya, ada dua tugas yang melibatkan kita. Pertama ialah tugas-tugas raja. Kadangkala kita melakukan kerja-kerja sampingan ini dan dia memberi makan kepada kita. Kedua, adalah tanggungjawab kita, iaitu latihan dan

pertempuran. Raja turut menolong dan memudahkannya untuk kita.”

Sudah tentu anda akan memahami betapa bahayanya jika rekrut yang bodoh itu tidak mendengar nasihat pejuang (mujahid) yang terlatih itu.

Wahai jiwaku yang malas! Kawasan peperangan yang bergelora itu adalah kehidupan dunia yang sentiasa berubah ini, dan tentera yang dibahagikan kepada rejimen-rejimen merupakan seluruh masyarakat manusia. Rejimen dalam perbandingan adalah komuniti Islam pada abad ini. Salah satu daripada dua orang askar itu ialah seorang Muslim yang bertakwa yang tahu akan kewajipan agama dan mengamalkannya serta menjauhi dosa-dosa besar dan berjuang terhadap nafsu dan syaitan untuk meninggalkan dosa-dosa selainnya. Sementara askar yang kedua ialah seorang yang fasik, rugi dan memandang rendah terhadap Pemberi Rezeki Yang Hakiki serta tenggelam dalam perjalanannya mencari keperluan kehidupan sehingga sanggup meninggalkan kewajipan-kewajipan dan melakukan dosa-dosa. Sementara arahan dan latihan yang diterima itu adalah ibadah terutamanya solat. Peperangan itu pula adalah perjuangan melawan hawa nafsu dan keinginannya, menentang syaitan dalam kalangan jin dan manusia supaya menjauhkannya daripada dosa dan akhlak yang buruk, serta menyelamatkan hati dan rohnya daripada kemusnahan abadi. Perkara utama daripada kedua-dua tugas ini, yang pertama adalah mengurniakan kehidupan dan mempertahankannya. Sementara yang kedua ialah

beribadah dengan merayu kepada Tuhan Pemberi dan Penjaga Segala Kehidupan. Ia adalah tawakal terhadap-Nya dan berasa tenteram dengan-Nya.

Sesungguhnya, sesiapa yang membuat dan mengurniakan kehidupan, yang merupakan mukjizat yang paling agung dalam seni Samadaniyah (Tuhan yang seluruh makhluk bergantung kepada-Nya) dan kebijaksanaan Rabbani yang penuh dengan kesempurnaan, Dialah yang akan menjaga dan meneruskannya melalui pemberian rezeki. Tiada lagi yang selain-Nya. Adakah anda mahukan bukti? Haiwan yang paling lemah dan bodoh diberikan rezeki yang terbaik (seperti ulat-ulat buah-buahan dan ikan-ikan). Juga makhluk yang paling tidak berdaya dan sangat halus serta sensitif mendapat makanan terbaik (seperti bayi dan semua anak makhluk yang masih kecil).

Ya, bagi anda memahami bahawa sesungguhnya sarana rezeki yang halal bukanlah melalui kekuatan dan ikhtiar, tetapi adalah melalui kelemahan dan ketidakberdayaan, memadailah bagi anda untuk membuat perbandingan antara ikan-ikan dengan musang-musang, juga antara bayi-bayi binatang yang baru dilahirkan dengan binatang-binatang buas, dan antara pokok-pokok dengan haiwan-haiwan.

Boleh dikatakan bahawa seseorang yang meninggalkan solat untuk mencari keperluan kehidupan adalah seumpama askar tadi yang meninggalkan latihan dan kubunya dan pergi meminta-minta di pasar. Manakala seseorang yang selepas mendirikan solat, dia mencari rezeki dari dapur rahmat Tuhan Pemberi Rezeki Yang Pemurah, dengan berusaha

sendiri agar tidak menjadi beban kepada orang lain, adalah suatu tindakan yang mulia, terhormat dan juga adalah satu bentuk ibadah. Lagipun, fitrah manusia dan anggota-anggota maknawinya menunjukkan bahawa dia diciptakan untuk beribadah. Dari aspek kekuasaan dan keupayaan bertindak yang diperlukan untuk kehidupan dunia ini, dia tidak dapat bersaing dengan burung pipit yang paling rendah. Sedangkan dari aspek ilmu, keberhajatan, rayuan dan ibadah untuk kehidupan maknawi dan kehidupan akhiratnya, dia adalah seperti raja dan komandan kepada segala haiwan.

Wahai jiwaku! Jika anda menjadikan kehidupan dunia ini tujuan utama hidup anda dan bekerja berterusan untuknya, anda akan menjadi seperti seorang askar seumpama burung pipit yang paling rendah. Manakala jika anda menjadikan kehidupan akhirat tujuan akhir hidup anda, dengan menjadikan kehidupan dunia ini sebagai wasilah dan tempat bercucuk tanam, dan berusaha bersesuaian dengannya, maka anda akan menjadi seperti seorang komandan tertinggi bagi seluruh haiwan, dan menjadi hamba yang disayangi bagi Tuhan Yang Maha Kuasa serta tetamu yang dihormati dan mulia.

Inilah dua pilihan yang terbuka kepada anda. Anda boleh memilih salah satu yang anda mahu, dan mohonlah hidayah serta taufik daripada Yang Maha Penyayang lagi Maha Mengasihani...

KALIMAH KEENAM

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasihani

إِنَّ اللَّهَ اشْتَرَىٰ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ بِأَنَّ لَهُمُ الْجَنَّةَ

“Sesungguhnya Allah telah membeli daripada orang-orang yang beriman akan jiwa mereka dan harta benda mereka dengan (balasan) bahawa mereka akan beroleh syurga.” (*at-Taubah, ayat III*)

Sekiranya anda ingin mengetahui betapa menjual jiwa dan harta kepada Allah, serta menjadi hamba dan tenteranya merupakan perniagaan yang paling menguntungkan dan kedudukan yang paling mulia di sisi Tuhan, maka dengarlah akan tamsil dari hikayat berikut.

Pada suatu ketika, seorang raja mengamanahkan kepada dua orang rakyatnya dengan setiap orang diberikan sebuah ladang. Padanya terdapat semua perkara termasuk kilang, jentera, kuda, senjata dan sebagainya. Tetapi ketika itu adalah zaman yang penuh bergelora dengan peperangan yang sengit dan keadaan yang tidak stabil. Situasi ketika itu sama ada akan musnah atau terus berubah. Dengan kasih sayangnya yang sempurna, raja telah mengutuskan seorang yang paling rapat dan mulia kepada kedua-dua orang lelaki tersebut dengan titahnya yang penuh kasih sayang,

“Jualkanlah amanah yang ada di dalam tangan anda itu

kepada beta. Beta akan menyimpannya untuk anda, supaya ia tidak musnah tanpa tujuan. Selepas perang berakhir, beta akan mengembalikannya kepada anda dengan keadaan yang lebih baik. Beta akan menganggap amanah itu seolah-olah ia adalah harta anda dan beta akan membayar anda dengan satu harga yang tinggi. Bagi jentera-jentera dan peralatan-peralatan di bengkel, semuanya hendaklah digunakan atas nama beta dan di meja kerja beta. Harga dan nilainya akan meningkat 1000 kali ganda. Juga, beta akan memberikan seluruh keuntungan yang diperoleh kepada anda. Anda juga sangat lemah dan fakir, dan tidak mampu menanggung kos tugas-tugas yang besar ini. Jadi, beta yang akan menyediakan semua perbelanjaan dan keperluan, serta beta akan memberi anda semua pendapatan dan keuntungannya nanti. Beta mengizinkan anda menyimpan semua harta ini pada tangan anda sehingga tugas diselesaikan. Oleh itu, lihatlah lima tingkat keuntungan dalam satu urusan yang menguntungkan.

Jika anda tidak menjual kepada beta, anda pasti akan melihat tiada sesiapa pun yang mampu memelihara apa yang ada pada tangan anda. Sebagaimana orang lain, anda juga akan kehilangan semua yang anda miliki sekarang. Semuanya akan hilang dengan sia-sia, dan anda akan terlepas harga yang tinggi itu yang telah ditawarkan. Alat-alat dan penimbang-penimbang yang halus lagi sensitif, dan logam-logam yang berharga tidak dapat digunakan lagi dan nilai keseluruhannya akan hilang. Juga, pengurusan serta kos dan bebanan penjagaannya akan menjadi tanggung jawab anda. Selanjutnya, anda akan dihukum kerana mengkhianati

amanah. Oleh itu, lihatlah kepada lima tingkat kerugian dalam satu urusan sahaja.

Selain itu, dengan ‘menjual harta-harta itu kepada beta’, maksudnya anda menjadi askar beta dan bertindak atas nama beta. Di samping menjadi tawanan atau tentera yang biasa, anda akan menjadi seorang askar elit, merdeka, pejuang bagi seorang raja yang agung.”

Setelah mereka mendengar tawaran yang mulia dan titah yang terhormat itu, orang yang pintar di antara keduanya berkata, “Saya bersetuju dengan titah tadi, bangga dan gembira untuk menjualnya. Saya memanjatkan seribu kesyukuran.”

Manakala yang seorang lagi ialah individu yang angkuh dan nafsunya telah menjadi seperti Firaun, alpa dan tidak sedar diri, seolah-olah dia akan kekal selama-lamanya di ladang itu, dia tidak menghiraukan gempa bumi dan huru-hara yang sedang berlaku di dunia. Beliau berkata,

“Tidak, tidak! Siapa raja? Saya tidak akan menjual harta saya, dan tidak mahu merosakkan keseronokan saya.”

Selepas masa yang singkat, lelaki pertama mencapai darjat yang tinggi sehingga semua orang iri hati dengan keadaannya. Dia telah menerima naungan kasih sayang raja, dan hidup bahagia di istana khas raja. Yang seorang lagi sebaliknya jatuh hina ke dalam keadaan sedemikian rupa sehinggakan semua orang berasa simpati akan keadaannya, tetapi mereka juga berkata “dia memang patut!” menerima apa yang telah diterimanya itu. Akibat dari kesilapannya ini, kebahagiaan dan pemilikan harta hilang daripadanya, dan dia juga mengalami hukuman dan azab seksaan.

Wahai jiwa yang penuh dengan godaan nafsu! Lihatlah melalui teleskop tamsil ini akan wajah hakikatnya.

Adapun raja, Dia ialah Sultan Yang Azali Lagi Abadi, Tuhan (Rabb) Yang Mulia dan Penciptamu. Ladang-ladang, jentera-jentera, alat-alat dan timbangan-timbangan adalah milik anda semasa dalam lingkaran kehidupan dunia, iaitu dalam pemilikan anda termasuk badan, roh, hati, dan perasaan deria seperti yang terdapat pada mata, lidah, akal dan imaginasi daripada seluruh pancaindera zahir dan batin. Adapun sahabat raja yang rapat dan mulia itu ialah Rasulullah SAW Yang Mulia. Titah diraja yang bijaksana itu adalah al-Quran al-Hakim (yang Bijaksana), yang mengisytiharkan jual beli dan perniagaan yang menguntungkan sebagaimana dibincangkan di atas melalui ayat ini:

إِنَّ اللَّهَ اشْتَرَىٰ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَالَهُم بِأَنَّ لَهُمُ الْجَنَّةَ

“Sesungguhnya Allah telah membeli daripada orang-orang yang beriman akan jiwa mereka dan harta benda mereka dengan (balasan) bahawa mereka akan beroleh syurga.”

Medan pertempuran adalah permukaan bumi yang bergelora ini, yang tidak berhenti-henti dengan perubahan dan kemusnahan yang menyebabkan setiap orang berfikir,

“Oleh sebab segala-galanya akan meninggalkan genggaman kita, akan dibinasakan dan hilang, tidakkah ada jalan penyelesaian yang boleh mengubahnya menjadi sesuatu yang kekal dan abadi?” Semasa sedang memikirkan perkara ini, dia tiba-tiba mendengar suara al-Quran Samawi

yang bergema. Ia berkata, “Memang ada. Jalan yang mengandung lima martabat keuntungan di dalam satu urusan yang terbaik dan mudah.”

Soalan: Apakah caranya?

Jawapan: Iaitu menjual amanah kepada pemiliknya yang hakiki. Di dalam jualan ini terdapat lima martabat keuntungan.

Keuntungan Pertama: Harta yang binasa akan menjadi kekal abadi kerana umur yang fana ini, apabila ia diberikan kepada Tuhan Yang Maha Kekal Abadi dan Zat Yang Memiliki Kemuliaan dan dikorbankan pada jalan-Nya, akan bertukar menjadi kekal abadi dan menghasilkan buah-buahan yang berkekalan. Ketika itu, minit-minit umur kehidupan seseorang pada zahirnya akan lenyap dan hancur seperti biji-biji benih, tetapi akhirnya melahirkan bunga-bunga dan tangkai-tangkai kebahagiaan di alam baqa, yang akan menghasilkan cahaya dan pemandangan menyenangkan di alam barzakh.

Keuntungan Kedua: Harga tinggi yang diberikan itu adalah umpama syurga.

Keuntungan Ketiga: Nilai setiap anggota badan dan setiap anggota deria akan meningkat dari satu hingga 1000.

Sebagai contoh, akal adalah satu alat. Jika anda tidak menjualnya kepada Tuhan Yang Memiliki, tetapi menggunakannya untuk kepentingan nafsu, ia akan menjadi tidak menyenangkan, mengganggu dan melemahkan kerana

ia membebaskan engkau dengan segala kesakitan masa lalu yang mendukacitakan dan kedahsyatan masa hadapan yang membimbangkan. Oleh itu, ia bertukar menjadi alat yang memudaratkan dan mencelakakan. Sebab itulah orang yang fasik selalu membiarkan diri mereka menjadi mabuk atau terjerumus ke dalam keseronokan yang melalaikan untuk melarikan diri dari kerunsingan dan gangguan terhadap akalunya. Tetapi jika akal dijual kepada Pemiliknya yang Hakiki dan digunakan bagi pihak-Nya, maka akal akan menjadi kunci ajaib yang boleh membuka khazanah rahmat dan khazanah hikmat Ilahi yang tidak terkira banyaknya di alam ini. Dengan ini, kunci itu melayakkan pemiliknya meningkat ke tahap mursyid Rabbani dan mendapat kebahagiaan yang kekal abadi.

Contohnya, mata adalah satu deria, seperti tingkap untuk roh menyaksikan alam ini melaluinya. Sekiranya ia tidak dijual kepada Tuhan Yang Maha Kuasa, tetapi digunakan bagi pihak hawa nafsu, dengan menatap secebis keindahan, kecantikan dan adegan-adegan yang sementara, ia berada pada kedudukan khadam dan perantara hina yang berkhidmat untuk hawa nafsu dan syahwat. Tetapi, jika mata anda dijual kepada Pencipta Yang Maha Melihat, dan menggunakan bagi pihak-Nya dan dalam lingkungan yang dibenarkan, maka mata anda akan meningkat ke makam seorang pembaca dan peneliti kitab alam yang besar ini, menjadi saksi kepada mukjizat seni Rabbani, dan seumpama seekor lebah yang diberkati sedang menghisap madu di atas bunga-bunga Rahmat Ilahi di dalam taman-taman bebola dunia ini.

Contoh lain adalah lidah dan deria rasa, sekiranya anda tidak menjualnya kepada Pencipta Yang Maha Bijaksana, tetapi menggunakannya bagi pihak nafsu dan perut, ia akan jatuh dan menurun ke tahap kandang perut dan pengawal kilang, maka nilainya akan hilang. Tetapi jika anda menjualnya kepada Pemberi Rezeki Yang Maha Pemurah, pada waktu itu deria rasa yang dikecapi oleh lidah akan naik ke pangkat seorang menteri yang mahir terhadap perbendaharaan rahmat Ilahi, dan seorang nazir yang bersyukur di dapur kekuasaan Ilahi Yang Maha Kekal Abadi.

Wahai akal, perhatikanlah! Di manakah alat yang memusnahkan berbanding kunci kepada alam semesta? Wahai mata! Lihatlah dengan teliti! Di manakah perantara yang hina itu berbanding nazir yang berilmu bagi perpustakaan Ilahi? Wahai lidah! Kecapilah dengan sepenuh rasa! Lihatlah perbezaan antara pengawal kandang atau pengawas kilang berbanding dengan nazir Perbendaharaan Rahmat Ilahi?

Seterusnya, bandingkan semua alat dan anggota-anggota yang lain, dan kemudian anda akan memahami dengan yakin bahawa pada hakikatnya orang mukmin layak ke syurga manakala orang kafir mendapat suatu keadaan yang melayakkannya ke neraka. Sebabnya, setiap daripada mereka mencapai nasib seperti ini adalah kerana orang mukmin menggunakan amanah yang diberikan Penciptanya atas nama Tuhannya dan dalam lingkungan yang dibenarkannya. Manakala orang kafir, mengkhianati amanah dan

menggunakannya demi kehendak nafsu amarahnya.

Keuntungan Keempat: Insan adalah daif tetapi musibahnya banyak... Dia adalah fakir manakala keperluannya adalah banyak... Dia adalah lemah sedangkan bebanan kehidupannya amat berat... Jika dia tidak bertawakal dengan bersandar kepada Tuhan Yang Maha Kuasa Lagi Maha Agung dan tidak menyerahkan segala urusan kepada-Nya, dan tidak berasa tenang dengan-Nya, maka dia akan terus mengalami azab wujudani (perasaan) yang berterusan. Kesengsaraan daripada usaha yang tidak berhasil, kesedihan dan penyesalan akan mencekiknya, menjadi mabuk atau binatang yang ganas.

Keuntungan Kelima: Semua ibadat, zikir dan tasbih yang dilakukan oleh anggota-anggota badan ketika ia beramal akan bertukar menjadi seperti buah-buahan di syurga dan diberikan kepada anda ketika anda amat berhajat kepadanya. Perkara ini disepakati secara ijmak dalam kalangan ahl al-ikhtisas, al-shuhud, al-dhawq dan al-kashf.

Sekiranya anda tidak melaksanakan perdagangan ini yang mempunyai lima martabat keuntungan, anda bukan sahaja mendapat kerugian kerana tidak memperoleh keuntungan tersebut, tetapi anda juga akan mengalami lima martabat kerugian berikut:

Kerugian Pertama: Harta dan anak-pinak yang anda kasihi, hawa nafsu yang anda banggakan, kehidupan dunia serta zaman muda yang anda tergila-gilakan, semuanya akan lenyap dan hilang dari tangan anda. Tetapi ia akan

meninggalkan kesan-kesan dosa dan kesakitan yang tertanggung di atas bahu anda.

Kerugian Kedua: Anda akan mendapat balasan sebagai seorang yang mengkhianati amanah kerana anda menggunakan alat yang paling berharga pada perkara yang paling tidak bernilai dengan menzalimi diri anda sendiri.

Kerugian Ketiga: Dengan menjatuhkan martabat semua anggota pancaindera manusia yang berharga ke tahap binatang bahkan lebih rendah, kamu telah mendustai dan menzalimi hikmah Ilahi.

Kerugian Keempat: Dalam kedaifan dan kefakiran, ditambah lagi dengan berat bebanan kehidupan pada bahu anda yang lemah, yang akan sentiasa mengerang dan meratap di bawah pukulan pemisahan dan kematian.

Kerugian Kelima: Sepatutnya hadiah yang dianugerahkan kepada anda daripada Yang Maha Pemurah seperti akal, hati, mata dan lidah, yang merupakan asas-asas untuk membuat persiapan bagi kehidupan dan kebahagiaan yang kekal abadi di akhirat nanti, tetapi sebaliknya anda telah menukarkannya kepada keadaan yang buruk, yang akan membuka pintu neraka jahanam untuk anda.

Sekarang kita akan lihat kepada jual beli itu... adakah bebanannya terlalu berat sehingga menyebabkan ramai yang menjauhkan diri daripadanya? Tidak! Sama sekali tidak! Ia tidak memematkan dan tidak membebankan sama sekali kerana lingkungan yang halal adalah luas dan mencukupi untuk manusia memperolehi keseronokan dan kebahagiaan.

Tidak perlu langsung memasuki larangan-Nya. Kewajiban Ilahi adalah ringan dan sedikit. Menjadi seorang hamba dan askar Allah adalah penghormatan mulia yang manis yang tidak dapat diungkapkan. Kewajiban tersebut adalah seperti seorang askar yang melakukan dan memulakan sesuatu atas nama-Nya sahaja, memberi dan mengambil atas nama-Nya, bergerak dalam lingkungan kebenaran dan undang-undang-Nya dengan mendapat kedamaian. Jika berlaku kecuiaan, maka dia mesti memohon pengampunan-Nya (istighfar), dengan berkata:

“Wahai Tuhan kami! Ampunilah kesalahan kami, dan terimalah kami dari kalangan hamba-hamba-Mu. Jadikanlah kami pemegang amanah yang taat sehingga tiba saatnya ia diambil daripada kami. Amin!” Kita sepatutnya mengucapkan doa di atas dan merayu kepada-Nya.

KALIMAH KETUJUH

أَمَنْتُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ

“Saya beriman kepada Allah dan Hari Akhirat.”

Jika anda ingin memahami betapa beriman dengan Allah dan Hari Akhirat merupakan dua kunci paling berharga yang dapat merungkaikan teka-teki alam ini dan membuka pintu kebahagiaan dan kesentosaan bagi roh manusia, dan bagaimana sifat tawakal manusia kepada Penciptanya melalui kesabaran, serta bagaimana sifat pengharapan dan berdoa kepada Tuhan Yang Maha Memberi rezeki melalui kesyukuran, merupakan rawatan paling berkesan yang menyembuhkan, dan bahawa patuh kepada hukum-hakam al-Quran, menunaikan solat dan meninggalkan dosa-dosa besar, semuanya merupakan bekalan paling bernilai untuk akhirat, cahaya paling bersinar di dalam kubur, dan tiket paling mudah diperoleh bagi perjalanan menuju keabadian... Ya! Jika anda ingin memahami semua perkara ini, maka perhatikan dan dengarlah tamsil berikut:

Suatu ketika, seorang askar jatuh ke dalam keadaan yang paling dahsyat dalam medan pertempuran dan ujian, dengan percaturan antara keuntungan dan kerugian. Ia adalah seperti berikut:

Askar itu cedera dengan dua luka yang dahsyat dan mendalam yang mengerikan di sebelah kanan dan kirinya, dan di belakangnya berdiri seekor singa yang besar seolah-olah menunggu untuk menerkamnya. Di hadapan

matanya terdapat tempat hukuman gantung yang didirikan untuk menewaskan dan memusnahkan semua orang yang dicintainya, serta sedang menunggu dirinya juga. Dalam situasi ini, dia diarahkan melakukan satu perjalanan yang jauh. Sebagai seorang yang malang, dalam situasi yang dahsyat ini, ketika merenung akan nasibnya dan sedang beliau dalam keadaan berputus asa, tiba-tiba seorang lelaki yang murah hati dan bersinar dengan cahaya seperti Nabi Khidir a.s. muncul daripada sebelah kanannya, dan berkata kepadanya,

“Janganlah anda berputus asa. Saya akan memberikan anda dua azimat dan mengajarkannya kepada anda. Jika anda menggunakannya dengan betul, singa itu akan menjadi kuda tunggangan yang jinak. Tempat hukuman gantung itu akan menjadi buaian yang selesa dan menghiburkan anda. Saya juga akan memberikan anda dua jenis ubat. Sekiranya anda menggunakannya dengan baik, kedua-dua luka anda yang berbau busuk itu akan bertukar menjadi dua kuntum bunga lembut yang dipanggil wangian Bunga Ros Nabi Muhammad SAW. Juga, saya akan memberikan anda satu tiket, dengannya, anda akan dapat melakukan perjalanan setahun, dalam masa sehari seolah-olah anda terbang. Jika anda tidak mempercayai saya, buatlah sedikit ujian, nescaya anda dapat melihat akan kebenarannya.”

Orang itu pun melakukan sedikit ujian, dan mengesahkan kebenarannya. Ya, saya, Said yang malang ini, membenarkannya juga kerana saya telah melakukan sedikit ujian dan melihat kebenarannya dengan yakin.

Kemudian, tiba-tiba dia melihat seorang lelaki yang licik dan mabuk, seperti Iblis, datang dari sebelah kiri membawa untuknya barangan-barangan kemas yang banyak, gambar-gambar yang cantik dan barangan fantasi serta minuman-minuman keras yang menarik. Dia berhenti di hadapan orang itu, dan berkata kepadanya,

“Wahai kawanku! Mari-mari, kita pergi bersuka ria bersama-sama. Marilah kita melihat gambar-gambar gadis cantik, mendengar lagu-lagu yang mengasyikkan dan makan makanan-makanan yang enak di sana.”

Soalan: Apakah yang awak sedang kumat-kamitkan itu?

Jawapan: Satu jampi.

- Hentikan perkara yang tidak dapat difahami itu! Jangan rosakkan keseronokan kita sekarang!

Soalan : Apakah yang ada di tangan awak itu?

Jawapan: Satu ubat.

- Buangkan. Anda sihat, apakah yang salah dengan anda? Kini adalah masa berseronok.

Soalan: Apakah dia kertas itu dengan lima tanda di atasnya?

Jawapan: Ia adalah satu tiket dan kad catuan keperluan kehidupan harian.

- Dia berkata, “Koyakkan semuanya. Kita tidak perlu melakukan perjalanan pada musim bunga yang indah

ini.” Dia cuba memujuk orang itu dengan segala macam helah. Orang yang malang itu telah terpengaruh dengan pujukannya sedikit. Ya, manusia boleh ditipu. Saya juga pernah ditipu oleh tipu daya yang licik seperti ini.

Tiba-tiba dari sebelah kanan datang satu suara seperti guruh, berkata, “Janganlah tertipu! Berkatalah kepada si penipu itu: Jika anda mempunyai cara untuk membunuh singa di belakang saya, membuang tempat hukuman gantung di hadapan saya, menyembuhkan luka-luka di kanan dan kiri saya, dan menghalang perjalanan yang akan saya hadapi ini, silalah berbuat demikian, tunjukkanlah bahawa anda mampu dan biarkan kami melihatnya! Kemudian barulah anda boleh katakan, marilah kita pergi berseronok bersama-sama. Jika tidak, diamlah sahaja, wahai si bodoh! Biarkanlah lelaki yang mulia seumpama Nabi Khidir a.s. tadi bercakap apa yang dikehendaknya.”

Wahai jiwaku, yang telah berseronok pada masa mudanya dan sekarang menangis terhadap keseronokan tersebut! Ketahuilah!... Bahawa askar yang malang itu ialah anda sendiri dan manusia seluruhnya. Singa itu ialah ajal. Adapun tempat hukuman gantung itu ialah kematian, kehilangan dan pemisahan yang mana, dalam pertukaran malam dan siang, semua rakan akan mengucapkan selamat tinggal dan akan hilang. Salah satu daripada kedua-dua luka itu adalah kelemahan manusia yang menyusahkannya dan tidak terbatas, manakala satu lagi adalah kefakiran manusia yang menyedihkannya tanpa penghujung. Arahan pengusiran dan perjalanan itu yang bermula dari alam roh,

melalui rahim ibu, masa kanak-kanak dan zaman tua, alam dunia, kubur dan alam barzakh, melalui kebangkitan dan Titian Sirat adalah perjalanan ujian yang panjang untuk manusia.

Kedua-dua azimat itu adalah keimanan kepada Allah Yang Maha Esa dan keimanan kepada Hari Akhirat. Ya, melalui azimat suci itu, kematian menjadi seperti kuda yang jinak dan buraq, ditunggang untuk mengeluarkan orang mukmin dari penjara dunia ini ke taman-taman syurga, di hadapan Tuhan Yang Maha Pemurah. Oleh sebab inilah, insan-insan kamil telah memahami hakikat kematian, mencintainya dan mahu mati sebelum tibanya kematian.

Kemudian, perjalanan zaman dan berlalunya masa terhadap segala sesuatu, serta kehilangan dan perpisahan, kematian dan kewafatan adalah seperti tempat-tempat penggantungan yang telah diubah oleh azimat keimanan ini menjadi gambaran yang bersinar dan mendorong manusia untuk melihat pemandangan yang baharu dan segar pada setiap perkara. Bahkan ia menjadi punca pemerhatian terhadap pelbagai jenis mukjizat penciptaan Tuhan Yang Maha Mencipta lagi Maha Mempunyai Kebesaran dan kudrat-Nya yang luar biasa. Bahkan ia adalah penjelmaan rahmat Allah SWT yang dapat disaksikan dengan penuh kenikmatan dan kegembiraan yang sempurna. Hal ini sama seperti apa yang digambarkan oleh cermin yang memantulkan warna-warni cahaya matahari yang segar, dan gambar-gambar pada layar panggung wayang yang diubah sehingga kelihatan lebih menarik dan indah.

Manakala bagi kedua-dua ubat itu pula, pertama adalah kesabaran dengan bertawakal kepada Allah. Iaitu dengan menyandarkan diri kepada kekuasaan Pencipta dan keyakinan terhadap kebijaksanaan-Nya. Adakah ini benar?

Ya benar. Seseorang yang mengakui kelemahannya tetapi bersandar kepada Sultan alam semesta yang memiliki kuasa **كُنْ فَيَكُونُ** (Jadilah! Maka jadilah ia), bagaimanakah mungkin dia akan berasa takut dan bimbang? Kerana apabila berhadapan dengan musibah yang paling dahsyat, dia akan berkata, **إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ** (Sesungguhnya, kami kepunyaan Allah dan kepada Allah jua kami dikembalikan), dan berserah sepenuhnya kepada Tuhan Yang Maha Penyayang dengan hati yang penuh ketenangan. Ya, seseorang yang mengenal Allah (al- ‘arif billah) akan memperoleh kelazatan daripada kelemahan dan ketakutan kepada-Nya. Ya, memang terdapat kelazatan dalam ketakutan kepada Allah. Jika, bayi yang berumur setahun cukup bijak untuk ditanya,

“Apakah yang paling menyenangkan dan paling manis untuk anda?” Dia mungkin akan berkata, “Ketika saya menyedari kelemahan, kedaifan dan ketakutan saya terhadap tamparan lemah lembut ibu, akan menyebabkan saya berlindung pada dakapannya yang lembut.” Namun, belas kasihan semua ibu hanyalah sekelumit kerdipan daripada manifestasi rahmat Ilahi. Itulah sebabnya, insan-insan yang bijak (Insan Kamil) telah mendapat kelazatan yang tinggi dalam kelemahan dan ketakutan kepada Allah

SWT, dan mengisytiharkan diri mereka bebas sebeb-bebasnya daripada apa-apa kekuatan dan kekuasaan sendiri dan mereka memohon perlindungan kepada Allah melalui kelemahan mereka. Mereka menjadikan kelemahan dan ketakutan sebagai syafaat bagi mereka di sisi Allah SWT.

Ubat yang kedua adalah permintaan dengan berdoa melalui kesyukuran dan qanaah (berpada), dan meyakini akan rahmat Pemberi Rezeki Yang Maha Mengasihani. Adakah begitu?

Ya, sesiapa yang menjadi tetamu kepada Tuhan Yang Maha Pemurah dan Maha Mulia ini, yang menghamparkan permukaan bumi sebagai hidangan yang dipenuhi dengan pelbagai kenikmatan, dan menjadikan musim bunga seperti jambangan bunga-bunga indah yang diletakkan bersebelahan hidangan yang beraneka, dan ditabur ke atas hidangan tersebut, maka bagaimanakah kefakiran dengan keberhajatan kepada-Nya menjadi sesuatu yang menyakitkan dan memberatkan?

Bahkan dia menjadikan kefakiran dan keberhajatannya seumpama penambah selera, dengan meninggikan lagi tahap kefakirannya seperti seseorang yang menambah selernya. Kerana inilah mereka yang bijak (Insan Kamil) berbangga atas kefakiran mereka. Tetapi janganlah salah faham! Ia bermaksud untuk seseorang menyedari akan kefakirannya di hadapan Allah SWT dan merayu kepada-Nya, bukan mempamerkan kefakiran kepada manusia dan mengambil sikap sebagai pengemis.

Manakala tiket dan baucar itu pula, adalah menunaikan segala perkara yang difardukan terutamanya solat, serta meninggalkan dosa-dosa besar. Adakah begitu?

Ya! Sesungguhnya, seluruh ahli *al-ikhtisas* dan *al-shuhud* serta seluruh ahli *al-dhawq* dan ahli *al-kashf*, mereka semua bersepakat bahawa khazanah bekalan dalam perjalanan menuju keabadian yang gelap, serta cahaya dan buraqnya (tunggangnya melintasi titian sirat), hanyalah boleh didapati dalam mematuhi segala perintah al-Quran al-Karim dan menjauhi segala larangannya. Jika tidak, sains dan falsafah, kemahiran dan kebijaksanaan tidak bernilai apa-apa dalam perjalanan ini. Cahaya mereka hanyalah sampai sehingga pintu kubur.

Oleh itu, wahai nafsuku yang malas! Betapa sedikit, ringan dan mudahnya untuk melakukan solat lima waktu, dan meninggalkan tujuh dosa besar. Sekiranya anda mempunyai akal fikiran yang tidak rosak, anda akan memahami betapa hasil, buah dan faedahnya yang banyak, penting dan besar! Katakanlah kepada Syaitan dan lelaki yang memujuk anda untuk melakukan kefasikan dan perkara-perkara bodoh itu:

“Jika anda mempunyai cara untuk membunuh kematian, dan menghilangkan perpisahan dari dunia ini, dan dapat menghapuskan kelemahan dan kefakiran daripada manusia, dan jika ada cara untuk menutup pintu kubur, maka beritahulah dan biarlah kami mendengarnya. Jika tidak, diamlah!... Al-Quran membaca ayat-ayat seluruh makhluk di dalam masjid alam semesta yang luas ini. Mari kita mendengarnya, marilah kita diterangi dengan cahayanya,

mari kita beramal mengikut hidayahnya, dan marilah kita menjadikan lidah kita basah dengan berzikir dengannya. Ya, al-Quran adalah perkataan yang hakiki dan diterima sebagai perkataan yang sebenar. Al-Quran adalah yang hak, datang daripada Tuhan Yang Haqq, mengatakan yang Hak, menunjukkan akan hakikat, dan menyebarkan cahaya hikmah nurani!...”

اللَّهُمَّ نَوِّرْ قُلُوبَنَا بِنُورِ الْإِيمَانِ وَالْقُرْآنِ اللَّهُمَّ اغْنِنَا
 بِالْإِفْتِقَارِ إِلَيْكَ وَلَا تُفْقِرْنَا بِالْإِسْتِغْنَاءِ عَنْكَ تَبَرَّأْنَا إِلَيْكَ
 مِنْ حَوْلِنَا وَقُوتِنَا وَالتَّجَنُّنَا إِلَى حَوْلِكَ وَقُوتِكَ فَاجْعَلْنَا
 مِنَ الْمُتَوَكِّلِينَ عَلَيْكَ وَلَا تَكِلْنَا إِلَى أَنْفُسِنَا وَاحْفَظْنَا
 بِحِفْظِكَ وَارْحَمْنَا وَارْحَمِ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَصَلِّ
 وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ عَبْدِكَ وَنَبِيِّكَ وَصَفِيِّكَ وَ
 خَلِيلِكَ وَجَمَالِ مُلْكِكَ وَمَلِيكَ صُنْعِكَ وَعَيْنِ عِنَايَتِكَ
 وَشَمْسِ هِدَايَتِكَ وَلِسَانِ حُجَّتِكَ وَمِثَالِ رَحْمَتِكَ وَنُورِ
 خَلْقِكَ وَشَرَفِ مَوْجُودَاتِكَ وَسِرَاجِ وَحَدِيثِكَ فِي كَثْرَةِ
 مَخْلُوقَاتِكَ وَكَاشِفِ طَلْسِمِ كَايِنَاتِكَ وَدَلَالِ سُلْطَنَةِ
 رُبُوبِيَّتِكَ وَمُبَلِّغِ مَرْضِيَّاتِكَ وَمُعْرِفِ كُنُوزِ أَسْمَائِكَ وَ
 مُعَلِّمِ عِبَادِكَ وَتَرْجَمَانِ آيَاتِكَ وَمِرَاتِ جَمَالِ رُبُوبِيَّتِكَ وَ
 مَدَارِ شُهُودِكَ وَإِشْهَادِكَ وَحَبِيبِكَ وَرَسُولِكَ الَّذِي أَرْسَلْتَهُ
 رَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ وَعَلَى إِلَهٍ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَعَلَى إِخْوَانِهِ
 مِنَ النَّبِيِّينَ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى مَلَائِكَتِكَ الْمُقَرَّبِينَ وَعَلَى
 عِبَادِكَ الصَّالِحِينَ آمِينَ

Ya Allah, sinarilah hati kami dengan cahaya keimanan dan al-Quran. Ya Allah, kayakanlah kami dengan rasa fakir terhadap-Mu dan janganlah Engkau fakirkan kami dengan rasa tidak berhajat kepada-Mu. Kami berlepas diri kepada-Mu dari daya dan kekuatan kami serta kami berlindung di bawah daya dan kekuatan-Mu, maka jadikanlah kami dalam kalangan orang-orang yang bertawakal terhadap-Mu. Janganlah Engkau biarkan kami berada di bawah kekuasaan diri kami sendiri serta peliharalah kami dengan pemeliharaan-Mu serta kasihilah kami serta seluruh orang mukmin lelaki dan wanita. Selawat dan salam ke atas penghulu kita Muhammad SAW, hamba-Mu, nabi-Mu, pilihan-Mu, kekasih-Mu serta keindahan kerajaan-Mu, penghulu ciptaan-Mu, tumpuan penjagaan-Mu, matahari petunjuk-Mu, lisan hujah-Mu, contoh rahmat-Mu, cahaya ciptaan-Mu, keagungan makhluk-makhluk-Mu, lampu keesaan-Mu dalam banyaknya makhluk-Mu, pembongkar jampi alam semesta-Mu, penunjuk kekuasaan Rububiyah-Mu serta penyampai kepada keredaan-Mu, pengisytihar khazanah nama-nama-Mu serta guru kepada hamba-hamba-Mu, penterjemah bukti-bukti-Mu, cermin keindahan Rububiyah-Mu, serta perantara terhadap para saksi dan kesaksian-Mu, kekasih-Mu, rasul-Mu yang Engkau utuskan sebagai rahmat bagi seluruh alam, juga ke atas seluruh ahli keluarga dan sahabat-sahabat baginda, saudara-saudara baginda dalam kalangan para nabi dan rasul serta seluruh para malaikat yang dekat di sisi-Mu dan hamba-hamba-Mu yang soleh. Amin...

KALIMAH KELAPAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasihani

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ

“Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Tetap Hidup, Yang Kekal selama-lamanya mentadbir (sekalian makhluk-Nya).” (*Ali-Imran, ayat 2 dan al-Baqarah, ayat 255*)

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

“Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah adalah Islam.” (*Ali Imran, ayat 19*)

Jika anda ingin memahami hakikat dunia ini, roh manusia di dalamnya, sifat dan nilai agama bagi manusia; dan jika agama tidak benar, dunia adalah umpama penjara keseorangan; dan jika tanpa agama, manusia akan menjadi makhluk yang paling sengsara dan celaka; dan bahawa hakikat ucapan يَا اللَّهُ “Ya Allah!” dan لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ “Tidak ada tuhan melainkan Allah” sahajalah yang dapat menyelesaikan teka-teki alam semesta ini dan menyelamatkan roh manusia daripada kegelapan, maka lihat dan dengarlah akan tamsilan hikayat ini:

Pada masa dahulu, dua orang bersaudara berangkat

bersama menuju perjalanan yang jauh. Mereka terus berjalan sehingga tiba-tiba sampai di satu persimpangan. Di situ mereka ternampak seorang lelaki yang serius.

Lalu mereka bertanya kepadanya, “Jalan manakah yang lebih baik?”

Lelaki itu juga memberitahu mereka, “Di jalan sebelah kanan anda terpaksa mematuhi undang-undang dan peraturan, tetapi dalam kesulitan itu terdapat keselamatan dan kebahagiaan. Pada jalan yang sebelah kiri pula terdapat kebebasan dan tidak ada sebarang sekatan, tetapi dalam kebebasan itu terdapat bahaya dan kecelakaan. Sekarang, pilihan ada di tangan anda.”

Setelah mendengar demikian, saudara lelaki yang baik budi pekerti itu berkata, **تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ** (aku berserah diri kepada Allah), membuat keputusan dengan mengambil jalan sebelah kanan, mematuhi perintah dan menurut peraturan. Saudara yang satu lagi pula, yang tidak bermoral dan seperti orang yang tiada berpendirian, memilih jalan ke kiri hanya untuk menjadikan dirinya bebas. Melalui khayalan, mari kita mengikuti lelaki ini dengan keadaannya yang kelihatan ringan tetapi secara maknawinya adalah berat.

Kemudian lelaki ini, menyusuri sungai, mendaki dan menuruni bukit sehingga dia memasuki keadaan sepi di sebuah padang pasir. Tiba-tiba dia terdengar suara yang menakutkan dan melihat seekor singa besar dan ganas keluar dari semak samun dan meluru ke arahnya. Lalu dia melarikan diri. Dia menjumpai telaga dengan kedalaman

60 hasta yang tidak mempunyai air lalu dia melompat ke dalamnya dengan penuh ketakutan. Dia jatuh sampai separuh kedalaman, tangannya tersentuh sebatang pokok, lalu dia berpaut padanya. Pokok yang tumbuh dari dinding telaga itu mempunyai dua akar. Terdapat dua ekor tikus, seekor berwarna putih dan seekor lagi berwarna hitam, sedang menyerang dan menggigit kedua-dua akar tersebut. Dia melihat ke atas dan mendapati seekor singa sedang menunggunya di bahagian atas telaga seperti seorang pengawal. Kemudian, dia memandang ke bawah dan melihat seekor naga yang bengis sedang menunggu. Naga itu menaikkan kepalanya mendekati kaki lelaki itu yang terletak tiga puluh hasta di atas. Manakala mulut naga itu selebar mulut telaga. Kemudian dia memandang ke dinding telaga dan melihat serangga-serangga yang berbisa dan menyengat berkumpul di sekelilingnya. Lalu, dia memandang ke arah atas pokok dan ternampak pokok Tin. Ia adalah pokok yang ajaib dan mempunyai pelbagai jenis buah-buahan yang berbeza, daripada buah walnut hingga ke buah delima.

Oleh sebab salah faham dan kebodohnya, lelaki itu tidak memahami bahawa semua kejadian ini bukanlah perkara biasa. Benda-benda yang berada di situ bukanlah berlaku secara rawak dan di dalamnya terdapat rahsia ganjil pada perkara-perkara yang aneh itu. Dia juga tidak memahami bahawa ada pihak yang amat berkuasa dan mengarahkan semua yang telah berlaku.

Sekarang, walaupun hati, roh dan akalanya secara

diam-diam menangis dan meratap di dalam keadaan yang menyedihkan, nafsu amarahnya berpura-pura seolah-olah tiada ada apa-apa yang berlaku. Dia menutup telinga kepada tangisan hati dan rohnya, dan dengan menipu dirinya sendiri seperti dia berada di suatu taman, lalu dia mula memakan buah-buahan dari pohon itu. Tetapi sebahagian daripada buah-buahan itu beracun dan memudaratkan.

Allah SWT berfirman dalam Hadis Qudsi:

أَنَا عِنْدَ ظَنِّ عَبْدِي بِي yang bermaksud: “Aku akan memperlakukan hamba-Ku, sebagaimana dia mengenali diri-Ku.”

Lelaki yang malang itu, melalui buruk sangkaannya dan kebodohnya berfikir dan melihat perkara-perkara biasa sebagai hakikat yang sebenar. Jadi, itulah juga caranya dia telah diperlakukan, sedang diperlakukan dan akan diperlakukan. Dia tidak mati untuk dia boleh selamat dan dia juga tidak hidup, serta berada dalam azab seksaan sedemikian. Sekarang kita akan meninggalkan orang yang ditimpa azab ini dan kembali untuk memahami keadaan saudara yang seorang lagi.

Lelaki yang diberkati dan bijak itu pula meneruskan perjalanannya, tetapi dia tidak mengalami kesukaran seperti saudaranya. Oleh sebab akhlaknya yang baik, dia hanya memikirkan perkara-perkara yang baik dan membayangkan kebaikan. Dia mendapati segala-galanya adalah mesra baginya. Dia juga tidak mengalami sebarang kesukaran dan kesusahan seperti saudaranya, kerana dia

faham akan perintah itu dan mematuhiya dan segala urusannya dipermudahkan. Dia berjalan dalam keadaan selamat dan aman secara bebas. Kemudian dia menjumpai sebuah taman yang terdapat bunga-bunga yang cantik dan buah-buahan yang indah. Oleh sebab taman itu tidak terurus dengan baik, terdapat bangkai-bangkai binatang yang sangat busuk. Saudaranya tadi juga memasuki taman seperti itu, tetapi dia hanya menumpukan perhatiannya kepada bangkai-bangkai yang kotor sehingga mengalami gangguan dan menyebabkan perutnya berasa loya, lalu dia telah meninggalkan taman itu tanpa langsung dapat berehat. Lelaki ini pula beramal dengan kaedah: ‘Lihatlah kepada yang baik bagi setiap perkara’, lalu dia langsung tidak berpaling ke arah bangkai-bangkai tadi. Sebaliknya dia mendapat faedah daripada perkara-perkara yang baik di dalam taman itu, serta dapat berehat dengan sempurna, lalu dia meninggalkan taman itu dan meneruskan perjalanannya.

Kemudian, seperti saudaranya yang pertama, dia juga telah memasuki padang pasir yang luas, dan tiba-tiba terdengar laungan seekor singa yang hendak menyerangnya. Dia berasa takut, tetapi tidaklah seperti saudaranya. Oleh sebab sangkaannya dan fikirannya yang baik, dia berfikir, “Padang pasir ini mempunyai seorang raja, dan mungkin singa ini adalah khadam di bawah perintah raja itu” dan dengan ini, dia mendapat ketenangan. Tetapi dia juga melarikan diri sehingga menemui sebuah perigi kosong dengan kedalaman 60 hasta, lalu dia terjun ke dalamnya. Seperti saudaranya, tangannya tersentuh dan berpaut pada pokok yang berada pada paras setengah kedalaman perigi,

dan tergantung di udara. Dia melihat dua ekor haiwan sedang menggigit kedua-dua akar pokok itu. Dia memandang ke atas lalu ternampak singa, dan memandang ke bawah lalu ternampak seekor naga. Sama seperti saudaranya, dia sedang melihat keadaan yang paling aneh baginya. Dia pun berasa takut seperti saudaranya, tetapi ketakutannya adalah 1000 kali lebih ringan daripada ketakutan yang dirasai oleh saudaranya tadi. Oleh sebab akhlaknya yang baik telah memberikannya pemikiran yang baik, pemikirannya itu telah menunjukkannya wajah kebaikan pada setiap perkara.

Kerana sebab di atas dia telah berfikir seperti berikut, “Perkara-perkara aneh ini berkait antara satu dengan yang lain. Juga, semua perkara ini nampaknya bergerak mengikut satu pemerintah. Oleh hal yang demikian, perkara-perkara ini mengandungi satu teka-teki. Ya, semuanya berlaku atas arahan Pemerintah Yang Bijaksana yang tersembunyi. Oleh itu, saya tidak keseorangan, pemerintah yang tersembunyi itu sedang memerhati, menguji dan mendorong saya ke suatu tempat untuk sesuatu tujuan, dan menjemput saya ke sana.”

Perasaan ingin tahu yang timbul dari ketakutan yang menyenangkan dan dari pemikiran yang baik ini mendorong saya untuk bertanya, “Siapakah gerangan yang sedang menguji saya, mahu membuat dirinya dikenali dan mendesak saya untuk sesuatu tujuan di atas jalan yang aneh ini?” Seterusnya, daripada dorongan ingin tahu itu, timbul rasa cinta kepada pemilik teka-teki alam itu, dan daripada kecintaan itu timbul keinginan untuk menyelesaikan teka-

teki tersebut. Daripada keinginan itu, timbul kehendak untuk berada dalam kedudukan yang indah dan keadaan yang diterima di sisi pemilik teka-teki tersebut sebagaimana disukai dan diredai-Nya.

Kemudian dia memandang ke bahagian atas pokok itu dan melihat ia ialah Pokok Tin, tetapi padanya terdapat buah-buahan daripada ribuan jenis pokok. Pada waktu itu, semua ketakutannya hilang sama sekali, kerana dia memahami dengan yakin; bahawa Pokok Tin itu merupakan satu senarai, satu indeks dan satu pameran. Sudah pasti pemerintah yang tersembunyi itulah yang meletakkan sampel buah-buahan di dalam taman dan kebun ke atas pokok itu (Pokok Tin) melalui mukjizat serta azimatnya, dan Dialah yang menghiasi pokok-pokok itu serta menunjukkan kepada setiap jenis makanan yang disediakan untuk tetamu-tetamu-Nya. Jika tidak, pokok yang tunggal itu tidak akan dapat menghasilkan buah-buahan dari ribuan jenis pokok.

Kemudian dia mula berdoa dan merayu sehingga dia diilhamkan akan kunci kepada teka-teki alam itu. Dia berseru,

“Wahai pemerintah tempat-tempat ini! Aku berlindung dan mengikut arahan-Mu. Aku adalah khadam-Mu dan aku inginkan keredaan-Mu. Aku mencari-Mu.”

Selepas rayuannya itu, dinding perigi itu tiba-tiba terbelah dan pintunya pun terbuka untuk ke suatu taman yang selesa, bersih dan indah. Seterusnya mulut naga pun berubah menjadi pintu tersebut, dan kedua-dua singa

dan naga itu pula menjadi seperti dua khadam. Mereka menjemputnya masuk ke dalam taman tersebut hinggalah singa itu bertukar menjadi kuda yang jinak baginya.

Wahai diriku yang malas! Dan wahai sahabatku dalam khayalan! Datanglah, mari kita bandingkan kedudukan kedua-dua saudara ini untuk kita dapat melihat dan mengetahui bagaimana kebaikan menghasilkan kebaikan dan kejahatan menghasilkan kejahatan.

Lihatlah: pengembara yang malang pada jalan yang kiri itu berada dalam keadaan gementar dengan ketakutan setiap masa menunggu untuk memasuki mulut naga, manakala yang bernasib baik itu pula telah dijemput ke suatu taman yang indah yang penuh dengan pelbagai jenis buah-buahan. Seterusnya hati si malang itu sentiasa gementar akibat daripada situasi yang dahsyat, menakutkan dan amat menggerunkan. Orang yang bernasib baik itu pula melihat dan memandang benda-benda yang aneh sebagai ibarat yang menyenangkan, ketakutan yang manis dan makrifat yang dicintai. Juga bagi si malang itu pula, dia mengalami azab akibat dari kesunyian, kekecewaan dan keserongan. Manakala yang bernasib baik itu sedang merasai kelazatan dengan berseronok, dalam keadaan penuh dengan harapan dan kerinduan. Sebaliknya, si malang itu melihat dirinya sebagai banduan yang terdedah kepada serangan binatang-binatang buas. Sementara yang bernasib baik adalah tamu, yang dihormati, yang berada dalam keadaan keseronokan diterima sebagai sahabat kepada khadam-khadam yang aneh daripada Tuan Rumah Yang Pemurah. Si malang itu

pula sedang menyegerakan azabnya yang ditangguh dan menyeronokkan dirinya dengan memakan buah-buahan yang zahirnya kelihatan lazat tetapi hakikatnya beracun. Sesungguhnya buah-buahan itu umpama sampel-sampel, diberikan keizinan hanya untuk merasainya bertujuan untuk menjadi pelanggan bagi membeli buah-buahan yang asli, tetapi tidak diizinkan untuk makan dengan gelojoh seperti haiwan. Manakala lelaki yang beruntung itu hanya merasai buah-buahan tadi dan memahami akan tujuannya, dia menunda untuk memakannya dan berasa kelazatan dengan penantiannya itu. Sebaliknya, si malang itu telah menzalimi dirinya sendiri. Oleh sebab dia tidak mempunyai pandangan mata hati yang baik dia telah menukar situasi yang jelas dan terang seperti waktu siang ke situasi yang gelap, serta memberinya sangkaan yang mengancam seperti neraka Jahannam melalui anggapannya itu. Dia tidak layak dikasihani, dan dia tidak berhak untuk mengadu kepada sesiapa pun.

Sebagai contoh, ketika seseorang berada di taman yang indah, di kelilingi oleh orang-orang yang dikasihinya, pada musim panas, lantaran tidak berpuas hati dan tidak seronok ketika berada di satu jamuan yang hebat, lalu menjadikan dirinya mabuk dengan meneguk minuman keras yang jijik, kemudian dia membayangkan dirinya pada musim sejuk, di tengah-tengah haiwan liar dan lapar dan bertelanjang, lalu mula berteriak dan menangis, adakah patut dia dikasihani? Dia menzalimi dirinya sendiri. Dia melihat dan menghina rakan-rakannya dengan membayangkan mereka seperti binatang liar. Si malang itu juga adalah seperti ini. Manakala

orang yang bernasib baik itu melihat akan hakikatnya, dan hakikat itu sebenarnya adalah baik. Dengan memahami keindahan hakikat ini, orang itu menghormati kesempurnaan tuan punya hakikat tersebut, lalu dia layak mendapat rahmat-Nya. Oleh itu rahsia al-Quran menjadi jelas, dengan mengetahui bahawa “keburukan adalah daripada dirimu, dan kebaikan adalah daripada Allah SWT.”

Jika anda membuat perbandingan lain yang berbeza dengan cara yang sama, anda akan memahami bahawa nafsu amarah lelaki pertama itu telah menyediakan sejenis neraka Jahannam yang maknawi untuknya. Sementara dengan niat yang baik, sangkaan yang baik, akhlak yang baik dan fikiran yang baik daripada lelaki yang satu lagi itu, dia memperoleh ihsan yang menyeluruh dan kebahagiaan yang melimpah-ruah, fadilat yang bersinar dan kejayaan.

Wahai jiwaku! Dan wahai lelaki yang mendengar kisah ini bersama dengan jiwaku!

Jika anda tidak mahu menjadi seperti lelaki yang malang itu dan ingin menjadi seperti lelaki yang bernasib baik, dengarlah arahan al-Quran, taatlah kepada hukumnya! Berpegang teguhlah dengannya! Dan beramallah dengan hukum-hakamnya!

Sekiranya anda memahami hakikat-hakikat dalam hikayat tamsil ini, anda akan dapat melaksanakannya untuk beramal dengan hakikat agama, dunia, manusia dan keimanan keseluruhannya. Saya akan beritahu perkara-perkara yang penting. Maka anda boleh menyimpulkan

fakta-fakta yang lebih halus daripadanya.

Dengan itu, lihatlah! Daripada kedua-dua lelaki yang bersaudara ini, yang satunya adalah roh seorang mukmin dan hati seorang yang soleh. Manakala, yang satu lagi ialah roh seorang kafir dan hati seorang fasik. Dari kedua-dua jalan itu, yang sebelah kanan adalah jalan al-Quran dan keimanan. Sedangkan yang sebelah kiri, adalah jalan keingkaran dan kekufuran. Taman dalam perjalanan itu adalah kehidupan manusia yang sementara dalam masyarakat dan tamadunnya, di mana kebaikan dan keburukan, perkara-perkara yang baik dan keji, bersih dan kotor ditemui berdampingan. Orang yang waras ialah orang yang beramal menurut kaedah:

حُدْمًا صَفَادَ عَمَّا كَدَرَ “Ambillah yang jernih, dan buanglah yang keruh”, dan dia meneruskan perjalanannya dengan hati yang sejahtera. Adapun padang pasir itu, adalah bumi dan dunia ini. Dan singa itu adalah kematian dan ajal yang ditetapkan. Telaga itu adalah jasad manusia dan tempoh masa kehidupannya. Manakala kedalaman 60 hasta itu menunjukkan jangka hayat purata dan kebiasaan selama 60 tahun bagi seseorang manusia. Dan pokok itu adalah tempoh hayat dan keperluan kehidupannya. Kedua-dua haiwan, satu hitam dan satu putih, merupakan malam dan siang. Naga itu adalah mulut kubur yang terbuka ke jalan Alam Barzakh dan tempat persinggahan untuk ke akhirat. Tetapi bagi seorang mukmin, mulut itu adalah pintu yang dibuka dari penjara menuju ke suatu taman. Manakala serangga-serangga yang memudaratkan itu adalah musibah-musibah di dunia ini. Tetapi bagi orang mukmin, ia adalah umpama

peringatan Ilahi yang manis dan anugerah daripada Yang Maha Pemurah untuk menghindarkannya daripada berada dalam keadaan tidur dengan kelalaian. Buah-buahan di atas pokok itu merupakan kenikmatan duniawi daripada Yang Maha Pemurah Lagi Mutlak, dijadikan sebagai indeks kurniaan nikmat dan mengingatkannya tentang kenikmatan di akhirat nanti, umpama sampel bagi menjemput para pelanggan untuk menikmati buah-buahan Syurga. Dan pokok yang menghasilkan buah-buahan yang berlainan walaupun hanya daripada satu pokok adalah menandakan meterai kuasa Samadaniyah, setem Rububiyah Ilahi dan tanda tangan kedaulatan Uluhiyyah.

Oleh sebab untuk “membuat segala-galanya daripada yang satu”, iaitu untuk membuat semua tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan dari tanah yang sama, juga untuk mencipta semua binatang dari air yang satu, juga untuk mencipta semua anggota badan dan organ haiwan daripada makanan yang biasa, juga bersama-sama dengan “membuat yang satu daripada segalanya”, iaitu seni-seni seperti menenun kulit yang mudah dan menjadikan daging yang khusus untuk setiap hidupan daripada pelbagai jenis makanan yang dimakannya, adalah sebuah setem dan meterai yang khusus bagi Zat Ahadiyyah Yang Samadaniyyah, lagi Sultan Yang Azali dan Abadi serta tandatangan-Nya yang tidak boleh ditiru sama sekali. Ya, membuat satu menjadi segala-galanya, dan membuat segala-galanya menjadi satu adalah tanda penunjuk yang khusus kepada Pencipta segala sesuatu, dan khas kepada Dia Yang Maha Berkuasa atas segala sesuatu.

Adapun azimat itu, ia adalah rahsia hikmat penciptaan yang dirungkai melalui rahsia keimanan dan kuncinya ialah **يَا اللَّهُ** (Ya Allah), dan **لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ** (Tidak ada tuhan melainkan Allah), dan **اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ** (Allah, Tiada ada Tuhan melainkan Dia, Yang Maha Hidup, Yang Berdiri Dengan Sendirinya). Manakala pertukaran mulut naga menjadi pintu taman, maka ia adalah tanda yang menunjukkan bahawa bagi ahli kesesatan dan kezaliman, kubur adalah penjara yang menyeksakan dalam kesunyian, kelupaan, kelalaian dan kesempitan serta ia adalah seperti perut naga bagi mereka. Manakala bagi ahli keimanan dan ahli al-Quran, ia adalah pintu yang terbuka luas dari penjara dunia untuk ke taman keabadian, dan dari medan ujian untuk ke taman syurga, dan daripada kesulitan kehidupan kepada rahmat Tuhan Yang Maha Pemurah.

Manakala pertukaran singa yang ganas menjadi khadam yang mesra dan kuda yang ditunggang dengan jinak adalah tanda bahawa kematian bagi ahli-ahli kesesatan merupakan suatu perpisahan yang pahit dan abadi daripada semua orang yang mereka cintai. Ia juga mengeluarkan dan mengusir mereka dari syurga dunia yang palsu dan dimasukkan sebagai banduan ke dalam kesesakan dan kesepian penjara kubur. Di sebaliknya untuk ahli-ahli hidayah dan ahli-ahli al-Quran, ia adalah wasilah untuk menyertai semua sahabat lama mereka dan orang yang dikasihi yang sudah berangkat ke dunia yang satu lagi. Juga, ia adalah kenderaan untuk memasuki tanah air mereka yang sebenar dan tempat tinggal kebahagiaan yang kekal abadi. Juga,

ia adalah satu jemputan ke taman-taman Syurga daripada penjara dunia ini dan beratur menunggu untuk menerima upah yang diperoleh berdasarkan kemurahan Tuhan Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih bagi perkhidmatan yang dilakukannya. Ia juga adalah pelepasan dari bebanan kehidupan. Juga, sebagai pengumuman tamatnya kewajipan ubudiyah, aktiviti-aktiviti ujian dan latihan.

Ringkasnya: Sesiapa yang menjadikan kehidupan yang fana ini sebagai tujuan dan matlamat utamanya, walaupun nampak pada zahirnya dia seperti di dalam Syurga, sebenarnya dia berada di Neraka Jahannam yang maknawi. Dan sesiapa yang menuju dan berusaha bersungguh-sungguh kepada kehidupan yang kekal abadi akan mendapat kebahagiaan kedua-dua dunia. Walau bagaimana buruk dunianya dan menyusahkan, dia reda kerana dia melihatnya sebagai suatu yang manis dan baik, serta sebagai ruang menunggu untuk ke Syurga, lalu bertahan dan bersyukur dengan kesabaran...

اللَّهُمَّ اجْعَلْنَا مِنْ أَهْلِ السَّعَادَةِ وَالسَّلَامَةِ وَالْقُرْآنِ وَالْإِيمَانِ آمِينَ

Ya Allah! Jadikanlah kami dalam kalangan ahli kebahagiaan, ahli kesejahteraan, ahli al-Quran dan ahli iman. Amin.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ بِعَدَدِ
 جَمِيعِ الْحُرُوفَاتِ الْمُتَشَكِّلَةِ فِي جَمِيعِ الْكَلِمَاتِ الْمُتَمَثِّلَةِ
 بِإِذْنِ الرَّحْمَنِ فِي مَرَايَاتِ مَوْجَاتِ الْهَوَاءِ عِنْدَ قِرَاءَةِ كُلِّ كَلِمَةٍ
 مِنَ الْقُرْآنِ مِنْ كُلِّ قَارِءٍ مِنْ أَوَّلِ التُّزْوُلِ إِلَىٰ آخِرِ الزَّمَانِ وَ
 أَرْحَمَنَا وَالدِّينَا وَأَرْحَمِ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِعَدَدِهَا
 بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Ya Allah! Berikanlah selawat dan salam-Mu ke atas penghulu kami Muhammad SAW, keluarga baginda dan sahabat baginda sebanyak huruf-huruf yang terbentuk dalam semua perkataan yang terbentuk dengan izin Allah pada cerminan ombak udara ketika membaca setiap perkataan dari al-Quran oleh setiap orang yang membacanya, semenjak ia mula diturunkan hingga akhir zaman. Rahmatilah kami dan kedua-dua ibu bapa kami. Rahmatilah seluruh orang-orang beriman, lelaki dan perempuan dengan sebanyak bilangannya (ayat-ayatnya), dan dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pemberi Rahmat. Amin.. Segala puji bagi Tuhan sekalian alam.

KALIMAH KESEMBILAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasihani

فَسُبْحَانَ اللَّهِ حِينَ تُمْسُونَ وَحِينَ تُصْبِحُونَ ﴿١٧﴾ وَلَهُ
الْحَمْدُ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَعَشِيًّا وَحِينَ تُظْهِرُونَ

“(Setelah kamu mengetahui yang demikian) maka bertasbihlah kepada Allah semasa kamu berada pada waktu malam dan semasa kamu berada pada waktu subuh. Serta pujilah Allah yang berhak menerima segala puji (dari sekalian makhluk-Nya) di langit dan di bumi, dan juga (bertasbihlah kepada-Nya serta pujilah Dia) pada waktu petang dan semasa kamu berada pada waktu zuhur.”

(ar-Rum, ayat 17-18)

Wahai saudaraku! Anda bertanya kepadaku mengenai hikmah yang terdapat dalam pengkhususan solat pada kelima-lima waktu yang ditentukan. Kami akan menunjukkan hanya satu sahaja daripada hikmahnya yang banyak.

Ya, seperti setiap waktu solat menandakan permulaan satu pertukaran besar yang penting. Ia juga merupakan satu cerminan tindakan Ilahi yang Agung yang menggambarkan ihsan-Nya yang sejagat dalam tindakan-Nya itu. Dengan ini,

ia bertujuan memperbanyak tasbih dan memuliakan Tuhan Yang Maha Kuasa di atas kemuliaan-Nya pada waktu-waktu itu, dan untuk memuji dan bersyukur terhadap semua nikmat yang tidak terhitung yang terkumpul di antara dua waktu, dalam solat yang telah ditentukan.

Untuk memahami sebahagian makna yang halus dan mendalam ini, anda mesti mendengar “**Lima Noktah**” berikut bersama-sama dengan jiwa saya.

NOKTAH PERTAMA

Makna solat adalah bertasbih, mengagungkan dan bersyukur kepada Allah, Tuhan yang Maha Besar.

Maksudnya, mengucapkan “سُبْحَانَ اللَّهِ” (Maha Suci Allah) dengan perkataan dan perbuatan ke atas kemuliaan dan keagungan-Nya, serta menyucikan-Nya; dan menyatakan “اللَّهُ أَكْبَرُ” (Tuhan yang Maha Besar) melalui lafaz dan perbuatan di hadapan kesempurnaan-Nya, untuk mengagungkan-Nya; juga menyatakan “الْحَمْدُ لِلَّهِ” (Segala puji bagi Allah) dengan hati, lisan, dan badan, untuk mengucapkan kesyukuran di hadapan keindahan-Nya.

Maksudnya, tasbih, takbir dan tahmid adalah seperti biji-biji benih solat. Itulah sebabnya, ketiga-tiga perkara ini terdapat dalam setiap bahagian solat, dalam semua pergerakan dan zikir-zikirnya (bacaan dalam solat). Hal inilah juga antara sebabnya; kalimah-kalimah yang diberkati ini diulangi 33 kali selepas solat, iaitu untuk menguatkan

dan meneguhkan makna solat. Makna solat dikukuhkan melalui rumusan yang ringkas ini.

NOKTAH KEDUA

Makna ibadah adalah: bahawa seorang hamba menyaksikan segala kecuaiian, kelemahan, dan kefakirannya, di hadapan hadrat Ilahi lalu bersujud dengan kasih sayang dan penuh kekaguman di hadapan kesempurnaan Rububiyah, kudrat Samadaniyyah dan rahmat Ilahi. Yakni, sebagaimana kesultanan Rububiyah menuntut ubudiyah dan ketaatan, begitu juga kesucian Rububiyah menuntut agar kesucian hamba mengisyiharkan melalui istighfar dan melihat kekurangan dirinya, bahawa Tuhannya adalah suci daripada sebarang kekurangan, juga jauh daripada semua pemikiran ahli kesesatan yang batil, serta suci daripada semua kecacatan dan kekurangan di alam semesta ini. Iaitu dia mengisyiharkan yang demikian ini semuanya melalui tasbihnya, iaitu dengan berkata Subhanallah.

Juga, kudrat Rububiyah yang sempurna menuntut seorang hamba menyaksikan akan kedaifan dirinya sendiri dan kelemahan makhluk-makhluk lain, dan melalui pandangan yang baik dan penuh kekaguman di hadapan kehebatan karya-karya kudrat Samadaniyyah, dia menyatakan “الله أكبر” (Tuhan Maha Besar) dan tunduk melakukan rukuk dengan merendah diri dan khusyuk serta memohon perlindungan dan bertawakal kepada-Nya.

Begitu juga, khazanah rahmat Rububiyah yang tidak

terbatas menuntut seorang hamba itu memperlihatkan keperluannya sendiri dan kefakiran serta keperluan semua makhluk melalui lidah rayuan dan doa, dengan mengucapkan kesyukuran dan pujian di atas kurniaan Tuhannya dengan berkata “الْحَمْدُ لِلَّهِ” (Segala pujian bagi Allah).

Maksudnya, perbuatan dan perkataan dalam solat mengandungi pengertian-pengertian ini kerananya solat difardukan oleh Allah SWT.

NOKTAH KETIGA

Sebagaimana manusia adalah contoh miniatur alam semesta yang lebih besar ini, dan surah al-Fatihah yang mulia adalah contoh yang bersinar bagi al-Quran al-Karim, maka begitu juga solat merupakan indeks nurani yang komprehensif bagi semua jenis ibadah, dan peta suci yang menunjukkan seluruh jenis ibadah bagi semua jenis makhluk.

NOKTAH KEEMPAT

Jarum jam yang mengira saat, minit, jam dan hari, yang menunjukkan minggu, saling melengkapi, saling berkaitan dan saling mengikut antara satu sama lain.

Begitu juga alam dunia ini yang merupakan jam Ilahi yang besar. Pertukaran siang dan malam adalah sama seperti pusingan saat untuk jam dunia ini, tahun-tahun seperti minit, peringkat umur manusia seperti jam dan

pusingan umur alam seperti hari; semuanya adalah sama, saling melengkapi, saling berkaitan, saling mengikut dan saling mengingatkan antara satu sama lain. Sebagai contoh:

Waktu Fajar hingga matahari terbit, ia menyerupai dan mengingatkan kepada awal musim bunga, saat kewujudan insan dalam rahim ibu, dan hari pertama daripada enam hari penciptaan langit dan bumi. Ia mengingatkan insan akan tindakan-tindakan dan kekuasaan Ilahi pada waktu-waktu tersebut.

Manakala Waktu Zuhur, ia menyerupai dan menunjukkan kepada pertengahan musim panas, dan zaman kemuncak remaja serta tempoh penciptaan manusia dalam umur dunia. Semua itu mengingatkan insan kepada manifestasi rahmat dan limpah kurniaan nikmat Ilahi pada ketika itu.

Manakala Waktu Asar, ia menyerupai musim luruh, dan waktu usia tua, dan abad kebahagiaan terunggul iaitu zaman Rasul Terakhir (SAW). Semua ini mengingatkan insan akan tindakan-tindakan Ilahi dan nikmat-nikmat Tuhan Yang Maha Pemurah dalam tindakan-Nya di atas.

Manakala Waktu Maghrib, ia mengingatkan insan akan pemergian kebanyakan makhluk pada akhir musim luruh, juga kematian manusia, dan kehancuran dunia pada permulaan hari kiamat. Di samping itu, ia mengingatkan insan akan manifestasi Keagungan Ilahi yang mengejutkan serta memberi amaran kepada manusia dari tidur yang lalai.

Manakala Waktu Isyak, ia mengingatkan insan kepada

alam kegelapan yang menyelubungi hasil-hasil alam waktu siang dan menutupnya dengan kain kafan hitam, dan juga menutup muka bumi yang sudah mati dengan kain kafan musim sejuk yang putih. Ia juga menunjukkan bahawa hasil usaha yang ditinggalkan oleh orang-orang yang meninggal dunia akan dilupakan, juga menunjukkan kepada tertutupnya pintu-pintu medan ujian dunia selamalamanya, dan juga mengisytiharkan pada semua itu sebagai tindakan-tindakan hebat Allah Yang Maha Perkasa yang mempunyai keagungan.

Adapun waktu malam, ia mengingatkan insan kepada musim sejuk, kubur dan Alam Barzakh, lebih-lebih lagi mengingatkan manusia betapa perlu rohnya kepada rahmat Tuhan Yang Maha Mengasihani.

Adapun tahajud pada waktu malam, ia memberitahu betapa perlunya insan kepada cahaya pada waktu malam di dalam kubur dan memberi amaran akan kegelapan Alam Barzakh. Ia juga menyedar dan mengingatkannya akan nikmat-nikmat yang tidak terhingga daripada Tuhan Pemberi Rezeki Yang Hakiki melalui semua pertukaran waktu-waktu tersebut, dan mengisytiharkan juga betapa berhaknyanya Dia akan ucapan kesyukuran dan kepujian.

Adapun pagi kedua hari berikutnya, ia mengingatkan akan pagi (permulaan) hari kebangkitan. Ya, sebagaimana kedatangan pagi selepas malam, dan kedatangan musim bunga selepas musim sejuk merupakan perkara yang wajar, perlu dan pasti, maka begitu juga halnya dengan kedatangan pagi (permulaan) hari kebangkitan yang seumpama musim

bunga alam barzakh dan mempunyai keyakinan pasti akan berlaku pada darjah yang sama.

Oleh itu setiap satu daripada lima waktu ini adalah permulaan pertukaran-pertukaran yang penting dan mengingatkan manusia kepada pertukaran-pertukaran hebat yang lain, melalui isyarat pada tindakan-tindakan besar harian, tahunan dan abad kudrat Samadinyah Ilahi dan mengingatkannya akan mukjizat-mukjizat kudrat dan kurniaan-kurniaan rahmat Ilahi. Oleh itu, solat yang difardukan pada asalnya merupakan tanggungjawab fitrah, asas ubudiyah dan hutang yang wajib dilunasi, amat layak dan sesuai pada waktu-waktu tersebut.

NOKTAH KELIMA

Secara fitrah manusia adalah sangat lemah, namun semua perkara mengganggu, menyedihkan dan mendukacitakannya. Juga, dia benar-benar tidak berdaya, namun musibah dan musuh-musuhnya sangat banyak. Juga, dia sangat fakir, namun keperluannya sangat banyak. Dia juga malas dan tidak berupaya, namun tanggungjawab hidupnya adalah sangat membebankan. Juga, kemanusiaannya telah menjadikannya terikat dengan seluruh alam semesta, namun perpisahan dengan yang disayangi dan kehilangan perkara-perkara yang dia biasa dengannya sentiasa menyakitkannya. Juga, akalnyanya sentiasa memperlihatkan kepadanya matlamat yang tinggi dan hasil-hasil yang kekal abadi, namun tangannya pendek, umurnya singkat, kemampuannya terhad, dan kesabarannya juga sedikit.

Maka roh manusia dalam keadaan ini, **pada Waktu Fajar** amat perlu untuk mengetuk pintu Tuhan Yang Maha Berkuasa lagi Maha Mulia dan pintu Tuhan Yang Maha Mengasihani lagi Maha Indah dengan doa dan solat lalu membentangkan hal keadaannya di hadapan Allah serta memohon taufik dan bantuan daripada-Nya. Adalah difahami dengan mudah betapa berhajatnya roh manusia kepada satu sandaran yang kukuh agar dia dapat menghadapi perkara-perkara yang akan menyimpannya pada siang hari yang mendatang serta memikul tugas dan pekerjaan yang akan dibebankan kepadanya.

Pada Waktu Zuhur - pada waktu itulah - berlakunya kemuncak kesempurnaan waktu siang dan permulaan penurunannya, waktu penyempurnaan kerja-kerja harian dan waktu rehat yang sementara daripada kepenatan pekerjaan. Ia juga adalah waktu roh perlu untuk bernafas dan berehat daripada kealpaan, kebingungan dan kekacauan dunia yang fana, pekerjaan berat yang memenatkan dan ia juga adalah masa kurniaan nikmat-nikmat Ilahi dizahirkan.

Terlepasnya roh manusia daripada segala kesempatan di atas dan terselamatnya daripada kealpaan dan kebingungan serta keluarnya daripada segala perkara remeh-temeh yang fana itu tidak berlaku melainkan dengan dia berlindung pada ruang singgahsana Yang Maha Gagah lagi Kekal abadi, iaitu Pemberi Rezeki Hakiki. Dengan menggenggam kedua-dua belah tangan (iaitu dengan bertadharru' dan bertawassul) ketika berdiri tegak melalui kesyukuran dan pujian terhadap segala nikmat-Nya yang diperoleh dengan hanya memohon pertolongan-Nya, kemudian manusia memperlihatkan

kelemahannya di hadapan kebesaran dan keagungan Allah dengan melakukan rukuk, dan mengisytiharkan kekaguman, kasih sayang dan kekerdilan dengan melakukan sujud di hadapan kesempurnaan Allah yang tidak akan hilang dan di hadapan keindahan-Nya yang tiada tandingan. Inilah hakikat penunaian solat zuhur. Alangkah indahnyalah! Alangkah lazatnya! Alangkah patut ia dilakukannya! Alangkah besar keperluan insan kepadanya! Oleh itu, adakah wajar seseorang manusia masih menganggap dirinya sebagai manusia jika dia tidak memahami hakikat ini...

Pada Waktu Asar - pada waktu itulah ia mengingatkan berkali-kali dengan tegas kepada kemurungan musim luruh dan keadaan umur tua manusia yang menyedihkan dan waktu yang suram pada akhir zaman. Dan dengan waktu kelihatan berakhirnya hasil kerja-kerja harian, dan waktu di mana kesihatan, keselamatan, dan amalan yang baik terkumpul untuk membentuk jumlah yang besar daripada kurniaan rahmat Ilahi yang telah diterima pada hari itu dan dinyatakan melalui matahari yang hebat, memberi isyarat dengan mula tenggelam, dan mengisytiharkan bahawa manusia adalah pegawai sementara dan semuanya akan binasa dan tidak stabil.

Ya, sesungguhnya roh manusia yang sentiasa mengharapkan keabadian dan kekekalan, dan ia dicipta untuk kekal abadi, dan yang mencintai ihsan (kebaikan) serta berasa sakit dengan perpisahan; roh ini membangkitkan manusia pada waktu asar untuk mengambil wuduk seterusnya menunaikan solat asar untuk bermunajat di

hadapan singgahsana Allah yang al-Samadani (Dia yang semua makhluk berhajat kepada-Nya) lagi al-Qadim, dan al-Baqi (Dia Yang Maha Kekal yang tiada permulaan, dan tiada pengakhiran), dan al-Qayyum al-Sarmadi (Dia yang berdiri dengan sendiri selama-lamanya) dengan berlindung mendapatkan kelebihan rahmat Allah SWT yang Maha Luas. Roh itu juga mengajak manusia agar mempersembahkan kepada Allah SWT kesyukuran dan pujian terhadap nikmat-Nya yang tidak terhitung. Lalu ia rukuk dengan penuh kerendahan dan ketundukan di hadapan kemuliaan Rububiyah Allah SWT, kemudian ia sujud dengan penuh tawaduk dan fana di hadapan keabadian uluhiyyah Allah SWT. Pada waktu ini, dia akan memperoleh ketenteraman yang hakiki bagi hatinya dan kerehatan yang sempurna bagi rohnya ketika ia berdiri melakukan ubudiyah yang sempurna dan persediaan yang lengkap ketika berhadapan keagungan kebesaran Allah SWT. Alangkah mulia tanggungjawab melaksanakan solat asar dengan pengertian ini! Alangkah layaknya tugas yang dilaksanakan ini! Bahkan alangkah layaknya waktu ini untuk dilunaskan hutang fitrahnya! Alangkah besarnya kejayaan memperoleh kebahagiaan dengan penuh kelazatan ini! Hanya manusia yang sebenar sahaja dapat memahami hakikat ini.

Pada Waktu Maghrib - waktu itulah bermulanya awal musim sejuk, mengingatkan kesedihan perpisahan daripada kehilangan makhluk-makhluk yang seni dan indah yang berada pada musim panas dan musim luruh. Ia juga mengingatkan manusia akan masa kematiannya, akan perpisahan yang menyedihkan dengan semua orang yang

dikasihi, akan kemasukannya ke kubur. Ia mengingatkannya kepada kematian dunia dengan gegaran *sakaratul maut*, dan perpindahan semua penghuninya ke alam-alam lain, dan terpadamnya lampu dunia tempat ujian ini. Ini adalah waktu yang memberi amaran tegas kepada mereka yang asyik kepada kekasih-kekasih yang fana dan sementara.

Dalam situasi ini, manusia yang memiliki roh yang jernih seperti cermin yang bersinar bersih, yang secara fitrahnya amat merindukan Keindahan Abadi, bagi menunaikan solat maghrib dalam waktu seumpama ini akan menghadapkan wajahnya ke singgahsana kebesaran Tuhan Yang *Qadim* lagi *Abadi* dan Yang *Baqi* lagi Kekal, yang melakukan urusan-urusan yang hebat, mentadbir seluruh alam yang sangat besar dan menukarnya. Lalu roh manusia meninggikan suaranya dengan berkata اللهُ أَكْبَرُ (**Allahu Akbar**)' bagi mengisytiharkan bahawa Allah Maha Besar di atas seluruh makhluk yang fana (binasa). Tangannya dibebaskan daripada makhluk-makhluk tersebut bahkan hanya digenggam untuk berkhidmat kepada Tuhannya, melakukan *qiyam* di hadapan Tuhan yang Maha Kekal dan Abadi dengan memuji rahmat tuhannya yang luas tidak terhingga, dan berkata الْحَمْدُ لِلَّهِ (**Alhamdulillah**)' di hadapan kesempurnaan tuhannya yang tidak mempunyai sebarang kekurangan, dan keindahan-Nya yang tidak mempunyai sebarang tandingan. Kemudian dia berkata إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ (Hanya kepada Engkau kami sembah dan hanya kepada Engkau kami memohon pertolongan)', yang bermaksud kami berubudiyah dan

memohon bantuan hanya daripada *Rububiyah* Tuhan yang tiada pembantu dan daripada *Uluhiyyah* Tuhan yang tiada sekutu bagi-Nya, dan daripada kesultanan Tuhan yang tiada bermenteri. Lalu dia melakukan rukuk di hadapan kebesaran Allah SWT yang tidak bersempadan dan di hadapan kudrat Allah yang tiada berpenghujung dan di hadapan kemuliaan Allah yang tiada sebarang kelemahan, bagi menzahirkan kelemahan, keberhajatan, kefakiran dan kehinaannya bersama-sama dengan seluruh alam semesta, lalu dia berkata

سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيمِ , dan bertasbih “Tuhanku Yang Maha Agung”. Kemudian di hadapan keindahan Zat Allah yang tidak akan binasa, dan di hadapan sifat-sifat-Nya yang suci tidak berubah, dan di hadapan kesempurnaan keabadian-Nya yang tidak akan bertukar ganti, dia bersujud, dan mengisytiharkan kasih sayang dan ubudiyahnya dengan penuh kekaguman dan kekerdilan serta meninggalkan semua yang fana selain Allah, lalu dia menemui Tuhan Yang Indah Lagi Kekal, Yang Mengasihani Lagi Abadi, sebagai ganti bagi segala yang musnah dengan berkata سُبْحَانَ رَبِّيَ الْأَعْلَى , yang bermaksud dia menyucikan Tuhannya Yang Maha Tinggi, suci daripada ketiadaan dan bebas daripada sebarang kekurangan...

Lalu dia duduk melakukan tasyahud dengan mengemukakan ucapan tahiyat yang diberkati dan selawat yang baik atas namanya mewakili seluruh makhluk sebagai hadiah kepada Tuhan Yang Indah lagi Azali dan Tuhan Maha Besar Yang Abadi. Kemudian dia mengucapkan salam ke

atas Rasul-Nya yang paling mulia dengan memperbaharui baiahnya, menzhahirkan ketaatan terhadap segala arahannya, memperbaharui serta menyinarkan keimanannya, melihat susunan kebijaksanaan bagi istana alam semesta dan menyaksikan keesaan Tuhan Yang Menciptanya Yang Mempunyai Ketinggian...

Dia juga menyaksikan kerasulan penunjuk kepada kesultanan *rububiyyah*, penyampai keredaan (perkara yang diredai) Ilahi, penterjemah ayat-ayat kitab alam semesta yang besar ini, iaitu Muhammad SAW yang berbangsa Arab. Hal ini semua adalah erti dan hakikat penunaian solat maghrib. Alangkah lembut, dan alangkah suci tugas ini! Alangkah mulia dan alangkah manis perkhidmatan ini! Alangkah indah dan lazat ubudiyah ini! Alangkah agung hakikat yang kukuh ini! Demikianlah bagaimana kita melihat solat maghrib sebagai satu perbualan abadi yang mulia serta kebahagiaan yang kekal abadi di rumah tamu yang fana ini. Adakah orang yang tidak memahami perkara ini masih menyangka dirinya manusia?

Pada Waktu Isyak - pada waktu itulah ia mengingatkan tentang kehilangan jejak terakhir tanda siang yang masih ada di kaki langit, dan dunia malam yang menyelimuti alam semesta, juga mengingatkan tentang tindakan-tindakan Rabbaniyyah Tuhan **مُقَلِّبُ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ** (Penukar Malam dan Siang) adalah Tuhan Yang Maha Kuasa dan Yang Mempunyai Ketinggian yang menukar halaman putih menjadi halaman hitam, serta menukar halaman-halaman hijau yang cantik di musim panas kepada halaman-halaman

putih yang dingin di musim sejuk, juga mengingatkan tentang tindakan-tindakan Ilahi **مُسَجِّرُ الشَّمْسِ وَالْقَمَرِ** (Tuhan yang menundukkan matahari dan bulan) merupakan Tuhan Yang Maha Bijaksana lagi Mempunyai Kesempurnaan.

Dengan berlalunya masa, waktu isyak juga mengingatkan akan hal ehwal Ilahi bagi **خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ** (Pencipta Kematian dan Kehidupan) dengan terputusnya kesan amalan yang masih berbaki bagi ahli-ahli kubur dan berpindah semuanya dari dunia ini ke alam lain.

Juga, ini adalah masa yang mengingatkan kita akan tindakan-tindakan agung Tuhan Pencipta Langit dan Bumi dan jelmaan keindahan-Nya dengan kemusnahan sepenuhnya dunia yang sempit, yang sementara dan hina ini dengan sakaratul mautnya (penderitaan kematiannya) yang dahsyat, dan pembukaan dunia akhirat yang luas, kekal dan megah.

Dan Pemilik dan Pentadbir Hakiki alam semesta ini, Tuhan Yang Berhak disembah dan Kekasih Yang Hakiki, hanya Dia sahajalah, yang boleh dengan mudah menukar malam menjadi siang, musim sejuk menjadi musim panas, dan dunia ini ke alam akhirat semudah dia membalikkan halaman-halaman buku; dan hanya Dialah yang menulis, memadam dan menukar semuanya ini; situasi ini membuktikan bahawa Allah SWT adalah Penguasa Mutlak yang hukum-Nya berlaku kepada semua.

Oleh itu, manusia yang sangat daif dan lemah, tidak

terbatas kefakiran dan hajatnya, yang bingung terhadap kegelapan tidak terhingga masa hadapannya, dan juga rohnya ditimpa dengan musibah yang tidak terkira, mendorongnya ketika menunaikan solat isyak dengan pengertian ini untuk tidak teragak-agak dan sentiasa mengulangi sebagaimana kata Saidina Ibrahim: **لَا أَحِبُّ الْآفِلِينَ** (Aku tidak suka kepada yang terbenam hilang) melalui solatnya dia mencari perlindungan di hadapan singgahsana Tuhan Yang Disembah Lagi Azali dan Tuhan Yang Dikasihi Lagi Abadi; dan dalam alam yang fana ini, umurnya yang terhad, dunia yang gelap dan masa hadapannya yang gelap; seketika dalam beberapa minit umurnya yang masih tinggal dia bermunajat kepada Tuhan Yang Kekal Abadi, lalu perbualan itu menghasilkan keabadian, untuk mengubati luka-luka akibat pemergian kekasih-kekasihnya dan perpisahan dengan semua yang wujud, dengan menyaksikan limpahan rahmat Tuhan Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang dan memohon cahaya petunjuk-Nya, yang akan menerangi dunia dan menyinari masa depannya.

Ketika itu, buat sementara manusia melupakan dunia yang tersembunyi itu yang juga telah melupakannya, lalu dia mencurahkan tangisan dan kesedihan hatinya di hadapan singgahsana rahmat Ilahi, bagi melaksanakan tugas ubudiyahnya yang terakhir sebelum memasuki suatu keadaan yang tidak diketahui akibatnya, dan tidak diketahui apa yang akan berlaku terhadap dirinya selepas itu, iaitu tidur yang menyerupai kematian, dan bagi menamatkan buku catatan amalan hariannya dengan husnul khatimah

dia berdiri menunaikan solat di hadapan Tuhan Yang Disembah lagi Dikasihi lagi Kekal Abadi menggantikan kekasih-kekasih lain yang fana (binasa). Dia juga tegak berdiri di hadapan Tuhan Yang Maha Berkuasa lagi Maha Mulia sebagai ganti daripada semua yang lemah yang selalu dia meminta-minta daripada mereka. Dia juga berada di hadapan Tuhan Yang Maha Menjaga lagi Maha Mengasihani bagi menyelamatkan dirinya daripada kejahatan makhluk-makhluk yang memudaratkan yang dia berasa gerun terhadap mereka.

Seterusnya, dia memulakan dengan *al-Fatihah*, iaitu puji-pujian bagi Tuhan sekalian alam, yang merupakan Tuhan yang Sempurna lagi Kaya Secara Mutlak, Tuhan yang Maha Mengasihani lagi Maha Mulia, menggantikan makhluk-makhluk yang sedikit pun tidak berfaedah dan memang mereka tidak layak untuk dipuji sama sekali, kerana mereka mempunyai kekurangan dan kefakiran.

Selanjutnya, kedudukannya meningkat dengan mengucapkan: **إِيَّاكَ نَعْبُدُ** (Hanya Kamu yang kami sembah), meskipun dia seorang yang kecil, kerdil dan terasing, melalui hubungannya dengan Tuhan Pemilik Hari Pembalasan, Sultan Yang Agung lagi Azali dan Abadi; dia mencapai keadaan sebagai tetamu yang mulia dan kedudukannya meningkat ke maqam pegawai tinggi-Nya; dengan menyatakan: **إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ** (Hanya kepada Engkau kami sembah dan hanya kepada Engkau kami memohon pertolongan), serta mempersembahkan

seluruh ibadah dan permohonan pertolongan mewakili seluruh makhluk daripada jemaah yang besar dan masyarakat teragung di alam semesta yang luas ini.

Kemudian, dalam kegelapan masa depan dia mengatakan:

إِهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ (Tunjukkanlah kami Jalan yang Lurus), dan merayu ditunjukkan Jalan yang Lurus iaitu jalan-Nya yang bercahaya dan menyampaikan kepada kebahagiaan abadi.

Juga, sekarang ketika tumbuh-tumbuhan dan haiwan-haiwan yang sedang berehat, matahari-matahari yang tersembunyi dan bintang-bintang yang mula kelihatan seumpama lampu-lampu dan hamba-hamba yang sedang berkhidmat di rumah tetamu alam semesta ini menurut perintah seperti askar, dia memikirkan ketinggian Tuhan

Yang Maha Mulia dan mengucapkan: اللَّهُ أَكْبَرُ (Allah Maha Besar), serta melakukan rukuk.

Kemudian, dia memikirkan sujud yang agung oleh seluruh makhluk, maksudnya ketika mereka sedang berehat pada malam ini, semua jenis makhluk setiap tahun dan setiap abad, bahkan bumi, dan alam semesta juga, masing-masing seperti pasukan tentera yang teratur, bahkan seperti seorang askar yang mematuhi tugas ubudiyah di alamnya sendiri, mendengar perintah كُنْ فَيَكُونُ (Jadilah, maka jadilah ia), iaitu sewaktu mereka dilepaskan daripada tugas, ketika masing-masing dihantar ke Alam Ghaib dengan penuh tersusun di atas sejadah masing-masing

dengan mengucapkan **اللهُ أَكْبَرُ (Allahu Akbar)** melalui sujud kepada-Nya.

Seperti seluruh makhluk tersebut di atas yang dibangunkan melalui laungan yang menyedarkan, lahir daripada arahan **كُنْ فَيَكُونُ** (jadilah, maka jadilah ia), mereka bangun untuk memulakan kehidupan pada musim bunga, sebahagian berbentuk serupa dan yang lainnya sama seperti sebelumnya, dengan persiapan untuk berkhidmat kepada Tuhan mereka; manusia juga mengikuti makhluk-makhluk tadi, terus bersujud di hadapan singgahsana Tuhan Yang Maha Pemurah yang mempunyai kesempurnaan, Yang Maha Mengasihani yang mempunyai keindahan lalu melaungkan: “**اللهُ أَكْبَرُ (Allahu Akbar)!**” dengan penuh limpahan kasih sayang dan kekaguman, kefanaan yang dipenuhi dengan keinginan untuk kekekalan abadi dan perasaan kehinaan yang dihiasi dengan kemuliaan; lalu bersujud dalam dia menunaikan solat isyak yang merupakan pencapaian yang tinggi seumpama kenaikan pada Mikraj. Pasti anda telah memahami sekarang bagaimana solat isyak menyeronokan, maka alangkah indah tugas tersebut! Alangkah manis kewajipan itu! Alangkah tinggi khidmat tersebut! Alangkah mulia dan lazat ubudiyah itu! Alangkah layak ia menjadi suatu hakikat yang tertanam kukuh.

Kelima-lima waktu ini, setiap satunya mengisyaratkan kepada pertukaran masa yang hebat, tanda-tanda yang menunjukkan tindakan-tindakan besar Rabbani dan hadiah kurniaan sejagat Ilahi. Oleh itu, penentuan solat fardu yang

merupakan hutang fitrah dan amanah pada waktu-waktu tersebut merupakan hikmah yang paling bermakna.

سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ

“Maha suci Engkau (Ya Allah)! Kami tidak mempunyai pengetahuan selain dari apa yang Engkau ajarkan kepada kami, sesungguhnya Engkau jualah yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.” (*Surah al-Baqarah: 32*)

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى مَنْ أَرْسَلْتَهُ مُعَلِّمًا لِعِبَادِكَ لِيَعْلَمَهُمْ
كَيْفِيَّةَ مَعْرِفَتِكَ وَالْعُبُودِيَّةَ لَكَ وَمُعْرِفَاتِ الْكُنُوزِ أَسْمَائِكَ وَ
تَرْجُمَانِ الْآيَاتِ كِتَابِ كَابِنَاتِكَ وَمِرَاتِنَا بِعُبُودِيَّتِهِ لِجَمَالِ
رُبُوبِيَّتِكَ وَعَلَى الْإِلَهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَارْحَمْنَا وَارْحَمِ الْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ آمِينَ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ

Ya Allah! Berilah salam dan selawat-Mu kepada Rasul yang Engkau utuskan sebagai guru kepada para hamba-Mu, untuk mengajar mereka bagaimana mengenali dan berubudiyah kepada-Mu. Rasul yang memperkenalkan khazanah nama-Mu, penterjemah tanda-tanda kitab alam semesta-Mu, yang cerminan ubudiyahnya menjelmakan keindahan rububiyah-Mu. Juga kepada seluruh keluarga dan seluruh para sahabatnya. Rahmatilah kami, dan rahmatilah seluruh mukminin dan mukminat. Amin, dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Penyayang.

KALIMAH KEDUA PULUH SATU

[Mengandung dua maqam]

MAKAM PERTAMA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah, Yang Maha Pemurah, Lagi Maha Penyayang

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَوْقُوتًا

“Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan ke atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya.” (*Surah an-Nisa, ayat 103*)

Pada suatu ketika, seorang lelaki yang berumur, mempunyai fizikal yang hebat, dan berpangkat tinggi berkata kepadaku, “Solat itu baik. Tetapi berulang melaksanakannya lima kali setiap sehari adalah berlebihan. Oleh sebab ia tidak pernah berakhir, maka ia menjemukan.”

Setelah sekian lama lelaki itu mengucapkan kata-katanya, aku mendengar jiwaku dan mendapati ia mengucapkan perkara yang sama. Aku memerhatikannya dan melihat bahawa melalui telinga kemalasan, ia telah menerima pelajaran yang sama dari Syaitan. Ketika itu aku memahami: bahawa lelaki itu berkata seolah-olah kata-katanya itu mewakili semua jiwa yang *الْأُمَّارَةُ بِالسُّوءِ* (yang

sentiasa menyuruh melakukan kejahatan), atau dia dipaksa mengatakannya. Lalu aku berkata,

“Oleh sebab jiwaku juga adalah **أَمَّارَةٌ بِالسُّوءِ**, orang yang tidak mentarbiahkan jiwanya sendiri tidak dapat mentarbiahkan jiwa orang lain. Jika begitu, aku akan bermula dengan jiwaku sendiri.”

Aku berkata, Wahai jiwaku! Dengarlah “Lima Peringatan” daripadaku sebagai satu balasan terhadap kata-kata yang anda ucapkan dalam keadaan jahil murakab dan hanyut di atas katil kemalasan serta tidur dalam kelalaian.

PERINGATAN PERTAMA

Wahai jiwaku yang celaka! Adakah umur anda kekal abadi? Adakah anda mempunyai surat jaminan yang tidak dapat disangkal, yang menunjukkan bahawa anda akan hidup hingga ke tahun hadapan bahkan sampai ke esok hari? Apa yang menyebabkan anda bosan adalah kerana anda menyangka anda akan hidup selama-lamanya. Anda dimanjakan dengan kemewahan, seolah-olah anda akan kekal di dunia ini selama-lamanya. Jika anda memahami bahawa umur anda adalah singkat dan ia sedang berlalu tanpa faedah, pasti anda akan memberikan 1/24 daripadanya untuk kehidupan yang hakiki dan menatijahkan kehidupan yang kekal abadi untuk perkhidmatan yang baik, selesa, merehatkan dan membawa rahmat. Solat itu tidak menjadikan anda bosan sebaliknya menyebabkan anda digerakkan dengan semangat yang tinggi untuk berusaha bersungguh-sungguh.

PERINGATAN KEDUA

Wahai nafsuku yang haloba yang hanya memikirkan perutnya! Setiap hari anda makan roti, minum air dan menghirup udara, adakah ia menyebabkan anda bosan? Pasti tidak, kerana keperluan yang berulang-ulang tidaklah membosankan anda, bahkan menghasilkan kelazatan. Oleh yang demikian, solat tidak sepatutnya menyebabkan anda bosan, kerana ia memenuhi keperluan rakan-rakan di dalam rumah jasad anda seperti pati makanan untuk hati, air kehidupan untuk roh, dan udara yang nyaman untuk segala pancaindera Rabbani yang halus.

Ya, sesungguhnya hati yang terdedah kepada pelbagai kedukacitaan dan kesakitan yang tidak bersempadan, serta terpicat dengan segala cita-cita dan kelazatan yang tidak berpenghujung serta dipenuhi dengan cinta yang tulen, pasti hatinya tidak akan memperoleh kekuatan dan makanan melainkan dengan mengetuk pintu Tuhan Yang Maha Mengasihani Lagi Maha Pemurah yang berkuasa atas segala sesuatu, dengan merayu dalam keadaan merendah diri dan penuh pengharapan.

Sesungguhnya roh yang berkait dengan hampir keseluruhan benda-benda yang wujud, yang datang dan pergi dengan cepat di atas dunia yang fana ini, tidak akan dapat meneguk air kehidupan bagi rohnya melainkan dengan menuju kepada punca air kerahmatan Tuhan yang disembah Lagi Kekal dan Kekasih Yang Abadi dengan menunaikan solat.

Ya, secara fitrah, pancaindera manusia yang maknawi

merindukan keabadian dan diciptakan untuknya. Ia juga adalah cermin yang menjelmakan zat Tuhan Yang Kekal Abadi dan amat sensitif lagi halus, yang penuh dengan kesedaran dan juga merupakan pancaindera maknawi Rabbani yang penuh bercahaya. Dalam keadaan kesedihan, kehancuran, penderitaan, kegelapan dan keadaan yang mencekik oleh dunia yang fana ini, manusia amat perlu untuk bernafas dan dia hanya boleh bernafas melalui jendela solat sahaja.

PERINGATAN KETIGA

Wahai jiwaku yang tidak sabar! Hari ini engkau mengingati kepenatan beribadat dan kesukaran bersolat serta kesibukan musibah yang telah menimpa pada masa lalu dan tertekan dengannya, kemudian engkau juga memikirkan tentang kewajipan beribadat pada hari-hari akan datang serta khidmat yang perlu untuk menunaikan solat serta kesakitan musibah yang bakal dihadapi, lalu engkau menjadi bimbang, kurang sabar, bahkan hilang kesabaran. Wajarkah keadaan ini lahir daripada seseorang yang berakal?

Dalam situasi tidak sabar ini, anda menyerupai seorang komandan bodoh yang mengarahkan satu pasukan yang besar daripada anggota tenteranya untuk menghadapi pihak musuh dari sebelah kanan, sedangkan pihak musuh di sebelah kanannya itu sudah pun menyertai pasukan mereka di sebelah kiri dan mempertahankannya. Kemudian komandan tentera itu mengarahkan saki-baki anggota tenteranya yang

masih ada ke sebelah kiri pihak musuh, sedangkan ketika itu tidak ada seorang pun tentera musuh yang berada di sana. Pada ketika itu, pihak tentera musuh dapat mengesan kelemahan yang ada lalu membuat serangan pada bahagian tengah yang sudah tidak mempunyai pertahanan lagi, lalu keseluruhan pasukannya mengalami kekalahan teruk.

Ya, anda menyerupai komandan tadi, kerana masalah hari-hari yang berlalu telah berubah menjadi rahmat pada hari ini; kesedihannya telah hilang sementara kesenangan sahaja yang kekal. Bebanan telah ditukar menjadi keberkatan, dan kesukaran menjadi ganjaran pahala. Oleh yang demikian, anda seharusnya tidak bosan dengan keadaan itu, tetapi lakukanlah usaha yang serius dengan keinginan tinggi dan baharu, dengan mendapat semangat yang segar dan berterusan. Sebaliknya, bagi hari-hari mendatang, oleh sebab ia belum tiba lagi, maka memikirkannya sekarang dan berasa bosan serta jemu dengannya adalah satu kegilaan, seumpama memikirkan kelaparan dan dahaga masa hadapan, lalu mula berteriak dan meratap.

Oleh sebab inilah hakikatnya, jika anda seorang yang waras, anda akan memikirkan hanya keadaan ibadat anda pada hari ini sahaja dan andaikan dengan menghabiskan satu jam dalam sehari untuk kewajipan yang bernilai tinggi, lazat dan cantik, merupakan satu perkhidmatan mulia yang mempunyai ganjaran yang besar dengan bebanan yang sedikit. Maka pada waktu itulah perasaan anda yang lemah berubah menjadi semangat yang tinggi.

Wahai jiwaku yang tidak sabar! Anda

dipertanggungjawabkan dengan tiga jenis kesabaran. Pertama adalah sabar dalam perkara ketaatan. Kedua adalah sabar dengan menahan diri daripada melakukan maksiat. Ketiga adalah sabar ketika menghadapi musibah. Jika anda seorang yang waras, jadikanlah hakikat yang jelas daripada perumpamaan dalam Peringatan Ketiga ini sebagai panduan. Katakanlah dengan penuh semangat dan berani: “**يَا صَبُورُ**” (Wahai Tuhan Yang Maha Penyabar!)” Pikullah ketiga-tiga jenis kesabaran ini di atas bahu anda. Sekiranya anda tidak menyelerakkan kekuatan kesabaran yang dikurniakan Tuhan Yang Maha Kuasa kepada anda pada perkara-perkara yang salah, seharusnya ia sudah mencukupi untuk anda bertahan ketika menghadapi semua kesukaran dan musibah. Jadi, bersandarlah dengan kekuatan-kekuatan itu!

PERINGATAN KEEMPAT

Wahai jiwaku yang bingung! Adakah kewajipan ibadat ini tidak mempunyai natijah dan faedah, atau ganjarannya sedikit, sehingga menyebabkan anda bosan dengannya? Sedangkan jika seseorang memberi anda sedikit wang, atau dengan menakut-nakutkan anda, dia boleh membuatkan anda bekerja sehingga petang tanpa penat lelah.

Oleh itu, dalam rumah tamu dunia ini, solat adalah makanan asasi dan kekayaan untuk hati anda yang lemah dan fakir; dan dalam kubur yang anda pasti akan singgah, ia menjadi makanan dan cahaya; dan pada hari kebangkitan yang anda akan diadili, ia adalah dokumen dan sijil pengesahan yang akan membebaskan anda; ia juga adalah

cahaya dan buraq yang anda akan tanggungi ketika melalui Titian Sirat yang mahu atau tidak anda mesti melaluinya. Adakah solat yang begini hakikatnya, tidak mempunyai sebarang hasil atau faedah, atau ganjarannya amat sedikit? Jika seseorang menjanjikan anda hadiah bernilai 100 dinar emas, anda pasti akan sanggup bekerja selama 100 hari tanpa jemu, meskipun lelaki itu mungkin akan memungkiri janjinya.

Oleh itu, Dia yang bagi-Nya memungkiri janji adalah mustahil, yang telah menjanjikan anda dengan balasan seperti Syurga dan hadiah seperti kebahagiaan abadi, dan mengupah anda untuk masa yang sangat singkat dalam tugas yang sangat baik dan senang; jika anda tidak melakukan perkhidmatan ini, atau anda melakukannya tanpa kerelaan, seperti seseorang yang dipaksa bekerja, atau bekerja dengan bosan, atau bekerja dengan separuh hati, maka anda tidak mempercayai janji-Nya dan memperkecilkan hadiah-Nya, maka anda berhak mendapat teguran yang berat dan hukuman yang dahsyat. Adakah anda tidak memikirkan perkara ini? Jika di dunia ini anda sanggup berkhidmat dalam pekerjaan yang paling berat kerana takutkan penjaranya, maka adakah ketakutan akan penjara yang abadi seperti Neraka Jahannam tidak mencukupi bagi menaikkan semangat dan keghairahan anda untuk melaksanakan satu ibadah yang benar-benar ringan dan menyenangkan ini?

PERINGATAN KELIMA

Wahai jiwaku yang sangat cinta akan dunia! Adakah kelemahan semangat anda dalam beribadat dan kecuaiannya anda dalam solat timbul daripada banyaknya kesibukan duniawi sehingga anda tidak ada masa kerana sibuk mencari keperluan kehidupan? **Adakah anda dicipta hanya untuk dunia ini yang menyebabkan anda menghabiskan sepenuh masa untuknya?**

Anda telah mengetahui bahawa melalui kemampuan anda, anda lebih unggul daripada semua haiwan, tetapi dalam hal keperluan hidup duniawi, anda tidak boleh bersaing walaupun dengan seekor burung pipit. Jadi mengapa anda tidak dapat memahami bahawa tugas hakiki anda bukanlah untuk sibuk dalam kehidupan dunia seperti haiwan, tetapi berusaha untuk mencapai hakikat kehidupan yang sebenar dan kekal, seperti seorang manusia yang hakiki. Selain itu, perkara-perkara yang anda sebut sebagai kesibukan duniawi kebanyakannya tidaklah memerlukan perhatian anda, dan merupakan perkara-perkara remeh yang anda campur tangan dengan melibatkan diri dalam perkara yang tidak penting. Anda mengabaikan perkara-perkara yang sangat penting dan menghabiskan masa anda dalam mendapat maklumat yang tidak perlu seolah-olah anda akan hidup ribuan tahun. Contohnya, anda membuang masa yang berharga pada perkara-perkara yang tidak berfaedah seperti mempelajari tentang apakah bentuk bulatan di sekitar Zuhal atau berapakah ekor ayam yang ada di Amerika. Seolah-

olah anda akan mendapat kesempurnaan daripada ilmu astronomi dan sains statistik.

Jika anda berkata, “Apa yang memalingkan dan melemahkan saya daripada solat dan ibadah bukanlah perkara-perkara yang remeh seperti itu, tetapi ia adalah perkara-perkara keperluan kehidupan seperti mencari nafkah.”

Maka jawapan saya adalah begini: Jika anda bekerja dengan upah harian RM100, dan seseorang datang kepada anda dan berkata, “Datang dan gali di sini selama 10 minit, dan anda akan menjumpai sebutir batu permata yang bernilai tinggi iaitu RM10,000 dan sebutir batu zamrud.” Sekiranya anda menjawab: “Tidak, saya tidak akan datang, kerana RM10 akan dipotong daripada upah harian saya dan sara hidup saya akan menjadi kurang”, tentu anda faham bahawa ia adalah satu alasan yang menunjukkan kebodohan.

Dengan cara yang sama, anda bekerja di kebun ini untuk mencari nafkah anda. Sekiranya anda meninggalkan solat yang wajib, semua hasil usaha yang anda akan dapat hanya terhad kepada nafkah kehidupan duniawi, yang tidak bernilai, dan tidak berkat. Tetapi jika anda menggunakan waktu rehat anda untuk solat, yang membolehkan roh berehat dan hati bernafas; pada waktu itu dengan nafkah duniawi yang berkat dan bekalan akhirat, anda akan menemui dua lombong maknawi yang merupakan sumber penting.

Lombong Pertama: Melalui niat yang ikhlas, anda akan

menerima sebahagian daripada tasbih yang diberikan oleh semua tanaman dan pokok, sama ada yang berbunga atau yang berbuah, yang anda tanam di kebun anda ini.

Lombong Kedua: Apa sahaja yang memakan hasil tanaman di kebun ini, sama ada oleh haiwan atau manusia, lembu atau lalat, pembeli atau pencuri, ia akan menjadi seperti amalan sedekah jariah daripada anda. Tetapi dengan satu syarat: Anda bekerja atas nama Tuhan Pemberi Rezeki Sejati dan bertindak dalam batasan keizinan-Nya, dan melihat diri anda hanya sebagai pegawai yang mengedar dan membahagikan harta-Nya kepada makhluk-makhluk-Nya.

Sekarang perhatikanlah: Bagi orang yang meninggalkan solat, betapa besar kerugian yang dialaminya dan betapa banyak kehilangan kekayaannya, serta betapa besar semangat dan kekuatan maknawi dalam pekerjaan yang dia hilang yang sepatutnya kedua-dua ini terhasil dari kedua-dua lombong tadi, lalu dia jatuh menjadi mufliis. Bahkan apabila usianya lanjut, dia akan menjadi bosan dan tidak bersemangat, dan berkata kepada dirinya sendiri, “Kenapakah aku perlu memenatkan diriku? Aku pasti akan meninggalkan dunia ini! Untuk siapakah aku bekerja?” Dengan itu, dia mencampakkan dirinya ke dalam dakapan kemalasan. Sedangkan lelaki pertama berkata, “Aku akan berusaha bersungguh-sungguh untuk melakukan kerja yang halal di samping sentiasa meningkatkan ibadatku, agar aku dapat mengirihkan cahaya ke kuburku dan membuat simpanan yang lebih banyak untuk akhiratku.”

RINGKASNYA:

Wahai jiwaku! Ketahuilah bahawa semalam telah berlalu dan meninggalkan anda. Untuk hari esok, tidak ada jaminan bahawa anda akan memilikinya. Dalam hal ini, ketahuilah bahawa kehidupan yang hakiki anda ialah hari ini. Oleh itu, berikanlah sekurang-kurangnya satu jam dalam tabung simpanan akhirat iaitu masjid atau sejadah sebagai simpanan masa depan yang hakiki.

Ketahui juga untuk anda dan untuk setiap orang, setiap hari yang baharu adalah pintu ke alam yang baharu. Sekiranya anda tidak menunaikan solat, dunia anda pada hari itu akan jadi gelap dan celaka, dan akan menjadi saksi menentang anda di Alam Mithal (Alam Akhirat). Untuk semua orang, pada setiap hari, dia mempunyai alam yang khusus daripada alam ini, dan sifat-sifat alam itu mengikut keadaan hati dan amalannya.

Seperti istana yang tersergam yang terpantul dalam cermin mengikut warna sesuatu cermin itu; jika ia hitam, ia kelihatan hitam; jika ia merah, ia kelihatan merah. Juga mengikut sifat-sifat cermin; jika kaca cermin itu licin, ia menunjukkan istana menjadi indah. Jika tidak licin, ia menunjukkannya hodoh. Seperti yang ia menunjukkan banyak perkara paling halus menjadi kasar; jadi anda mengubah bentuk alam anda sendiri dengan hati, akal, amal dan perasaan anda. Anda boleh menyebabkannya menjadi saksi sama ada untuk menentang atau menyokong anda.

Jika anda menunaikan solat, dan melaluinya anda

menghadapkan diri anda ke arah Pencipta Agung alam ini, dan secara tiba-tiba alam yang menghadap anda ini akan kelihatan bercahaya. Seolah-olah solat anda adalah lampu elektrik dan niat anda untuk menunaikannya seperti sentuhan suis yang membukanya untuk menghilangkan kegelapan alam itu. Ketika itu, anda akan melihat semua kekacauan dan kedukacitaan sekitar anda di dunia ini berubah dan menjadi peraturan yang bijaksana dan penulisan qalam kudrah rabbani yang bermakna.

اللَّهُ نُورُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ (Tuhan adalah Cahaya Langit dan Bumi)

Daripada ayat yang penuh bercahaya ini, satu cahaya dipancarkan ke hati anda dan alam anda pada hari itu akan bercahaya daripadanya. Ia akan menjadi saksi yang memihak kepada anda melalui cahayanya.

Jangan berkata, “Apalah solat saya ini, berbanding dengan hakikat solat yang sebenar!” Kerana sebiji tamar, sama seperti satu pokok tamar, menggambarkan pokok itu sendiri. Perbezaannya hanya seperti dari sudut ijmal (ringkasan) dan tafsil (terperinci); solat orang awam seperti solat anda dan saya, mendapat satu bahagian daripada cahaya itu sebagaimana solat wali besar, dan juga mendapat satu bahagian rahsia daripada hakikat tersebut, walaupun anda tidak merasainya. Tetapi tahap kecerahan dan cahaya adalah berbeza bergantung kepada darjat mereka yang melaksanakannya. Sebagaimana banyaknya peringkat dan darjat yang wujud dari sebiji tamar hingga ke pokok yang matang, darjat mereka dalam solat dan martabatnya adalah

lebih banyak lagi. Dalam setiap martabat terdapat hakikat yang bercahaya dalam semua darjahnya.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى مَنْ قَالَ «الصَّلَاةُ عِمَادُ الدِّينِ» وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ

Ya Allah! Ucapkanlah selawat dan salam ke atas Rasulullah SAW yang bersabda, “Solat adalah tiang agama” dan ke atas seluruh keluarga dan sahabat baginda.

PENUTUP KALIMAH KEEMPAT BELAS

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ

Maksudnya: “Dan (ingatlah bahawa) kehidupan di dunia ini (meliputi segala kemewahannya dan pangkat kebesarannya) tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terperdaya.” (*Surah Al ‘Imran, ayat 185*)

(Satu tamparan terhadap mereka yang lalai dan satu pengajaran yang memberi amaran).

Wahai jiwaku yang tenggelam dalam kelalaian dan terperosok dengannya, yang melihat kehidupan ini manis, yang melupakan akhirat, dan menuntut kehidupan dunia ini! Adakah anda tahu, anda menyerupai apa? Anda menyerupai burung unta! Ia melihat pemburu tetapi tidak boleh terbang, lalu memasukkan kepalanya ke dalam pasir dengan menyangka bahawa pemburu tidak melihatnya. Sedangkan tubuhnya yang besar tetap di luar dan pemburu masih dapat melihatnya. Hanya dialah yang menutup matanya di dalam pasir dan tidak dapat melihat.

Wahai jiwaku! Lihat dan perhatikanlah tamsil berikut! Membataskan pandangan seseorang hanya terhadap dunia

ini sahaja akan mengubah satu kelazatan yang tinggi menjadi satu kesakitan yang memeritkan.

Contohnya, ada dua lelaki di kampung ini, iaitu di Barla. Sebanyak 99% rakan salah seorang daripada mereka telah pergi ke Istanbul. Di sana mereka hidup dalam keadaan yang baik. Hanya ada seorang sahaja yang masih tinggal di sini, dan dia juga akan pergi ke sana. Atas sebab ini, lelaki itu amat rindu akan Istanbul dan sentiasa memikirkannya; dia mahu berjumpa dengan kawan-kawannya. Apabila dikatakan kepadanya, “Pergilah ke sana”, dia berasa terlalu gembira dan akan pergi dalam keadaan tersenyum.

Manakala lelaki kedua, 99% rakannya telah pergi dari sini. Sebahagian daripada mereka telah binasa. Sebahagian lagi tersembunyi di tempat-tempat yang tidak dapat melihat dan tidak dapat dilihat. Pada sangkaannya, mereka ini telah pergi dan hilang dalam kesengsaraan. Lelaki yang tidak mempunyai harapan ini mencari teman dan hiburan meskipun daripada seorang tetamu sahaja bagi menggantikan semua rakannya yang telah pergi. Dengan tetamu itu, dia ingin menutup keperitan perpisahan yang amat sangat yang dialaminya.

Wahai jiwaku! Yang Terutama Kekasih Tuhan Yang Agung (Habibullah SAW), dan semua yang anda sayangi, telah berada di sebelah sana kubur. Satu atau dua yang masih tinggal di sini juga akan berangkat ke sana. Oleh itu, janganlah gementar terhadap kematian, janganlah takut dengan kubur, dan janganlah memalingkan kepala anda daripadanya. Lihatlah kubur dengan berani, dan dengarlah

apa yang ia kehendaki. Senyumlah di hadapan wajah kematian seperti seorang lelaki sejati, dan lihat apa yang ia minta. Hati-hatilah, jangan menjadi lalai dan menyerupai lelaki kedua.

Wahai jiwaku! Jangan berkata, “Masa telah berubah, zaman ini berbeza. Semua orang telah tenggelam dan seolah-olah menyembah kehidupan dunia ini, semua mereka mabuk dengan keperluan kehidupan.” Kerana kematian tidak akan berubah, perpisahan tidak akan berubah menjadi kekal dan tidak akan berbeza. Kelemahan manusia dan kemiskinan insan tidak akan berubah, bahkan ia akan bertambah. Perjalanan hidup manusia tidak akan berhenti, ia akan menjadi lebih pantas.

Juga, jangan berkata, “Saya juga seperti semua orang lain.” Kerana, semua orang hanya menjadi kawan anda sehingga ke pintu kubur. Perasaan selesa ketika bencana bersama-sama dengan semua orang tidak ada makna lagi di sebalik kubur sana.

Jangan anda menganggap diri anda telah bebas juga! Kerana, di rumah tamu dunia ini jika anda melihatnya dengan pandangan yang waras, anda tidak akan dapat melihat sama sekali perkara-perkara tanpa peraturan dan tanpa tujuan. Bagaimanakah anda boleh kekal di luar peraturan ini dan berada di sini tanpa tujuan? Bahkan aktiviti-aktiviti alam semesta ini seperti gempa bumi bukanlah kejadian secara kebetulan tanpa tujuan.

Sebagai contoh, pakaian baju-baju bumi seperti tumbuh-

tumbuhan dan berbagai-bagai jenis haiwan disulam satu di atas yang lain dan satu berada di dalam yang lain dengan sangat tersusun dan menjadi pakaian yang terbaik. Semua ini dihiasi dari atas ke bawah penuh dengan tujuan, dihiasi dengan kebijaksanaan dan dilengkapi dengan matlamat yang tinggi, dengan ketelitian dan susunan yang sempurna, dan kita boleh nampak dan tahu bahawa bumi ini berputar dan dipusingkan seperti tarian Maulawi dengan matlamat-matlamat yang tertinggi. Bagaimanakah anda boleh menganggap kejadian seumpama gempa bumi ini adalah tanpa tujuan dan matlamat? Seperti anggapan seorang ateis bahawa bumi menghancurkan dirinya sendiri secara kebetulan padahal aktiviti-aktiviti ini adalah bagi mengurangkan bebanan daripada kelalaian anak Adam khususnya pada pandangan orang-orang yang beriman. Bagaimanakah mereka ini memikirkan kehilangan harta dan nyawa yang menyedihkan daripada semua orang yang mengalami kerugian dan menemui ajal itu berlaku tanpa balasan dan menjadi sia-sia sahaja, lalu mereka mencampakkan manusia ke dalam situasi putus asa dan tanpa harapan? Mereka telah melakukan kesilapan besar dan juga melakukan kezaliman yang besar.

Sedangkan, kejadian seperti ini berlaku atas perintah Tuhan Yang Maha Bijaksana lagi Maha Pengasih, untuk menukar harta sementara orang-orang beriman menjadi amal sedekahnya, dan menjadi simpanan untuk hari akhirnya. Ia juga menjadi penebus dosa-dosa mereka yang timbul daripada rasa tidak bersyukur atas kurniaan-Nya.

RAHSIA IBADAH DARIPADA ISYARATUL ‘IJAZ

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالَّذِينَ
مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿٢١﴾ الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ
الْأَرْضَ فِرَاشًا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً
فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ
أَنْدَادًا وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Surah al-Baqarah: ayat 21-22

Wahai sekalian manusia! Beribadatlah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertakwa. Dialah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagai hamparan, dan langit (serta segala isinya) sebagai bangunan (yang dibina dengan kukuhnya); dan diturunkan-Nya air hujan dari langit, lalu dikeluarkan-Nya dengan air itu berjenis-jenis buah-buahan yang menjadi rezeki bagi kamu; maka janganlah kamu mengadakan bagi Allah, sebarang sekutu, padahal kamu semua mengetahui (bahawa Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa).

PENGENALAN

Ibadah itulah sahaja yang akan mengukuhkan Iman dan prinsip-prinsipnya dan menjadikan ia sebagai tingkah laku. Sebabnya jika hal-hal yang berkaitan dengan hati nurani dan akal tidak dipupuk dan diperkuat dengan ibadah, yang terdiri daripada melaksanakan perintah-perintah Allah dan menjauhkan diri daripada larangan-larangan-Nya, ia tetap tidak efektif dan kesannya menjadi lemah. Situasi dunia Islam ketika ini menjadi saksi. Ibadah juga adalah wasilah untuk kebahagiaan di dunia dan di akhirat, dan merupakan cara untuk mengatur urusan kehidupan bagi kedua-duanya. Juga wasilah untuk kesempurnaan individu dan masyarakat, dan juga ia adalah hubungan yang tinggi antara Pencipta dan hamba-Nya dan hubungan yang mulia antara kedua-duanya.

Terdapat beberapa sebab ibadah adalah wasilah kebahagiaan dan kesejahteraan di dunia ini:

Pertama:

Manusia diciptakan dengan sifat ajaib, halus dan istimewa yang membezakannya daripada semua haiwan. Oleh sebab sifat ini, timbullah dalam dirinya banyak kecenderungan dan harapan. Contohnya, dia mempunyai kecenderungan untuk memilih dan menginginkan yang terbaik serta menginginkan yang indah, dengan fitrah keinginan untuk memiliki keperluan hidup yang mulia dengan kedudukan

yang selayaknya.

Oleh sebab kecenderungan dan keinginan di atas, untuk mendapatkan makanan, pakaian dan segala keperluannya yang lain, dia memerlukan pelbagai jenis seni dan kemahiran, tetapi dia tidak mampu mengadakan semua kemahiran ini secara bersendirian. Oleh itu, dia perlu bergaul dan berhubung dengan manusia lain dan bekerjasama dengan mereka, agar mereka semua dapat saling membantu dan bertukar hasil-hasil kerja untuk memenuhi keperluan masing-masing.

Tetapi kekuatan shahwiyyah (syahwat), ghadabiyyah (marah) dan ‘aqliyyah (akal) pada diri manusia tidak dibataskan oleh Tuhan. Kekuatan ini yang dibiarkan bebas sebeb-bebasnya pada diri manusia dalam urusannya untuk mencapai kemajuan berdasarkan al-juz’ al-ikhtiyari (secebis elemen pilihan) menyebabkan berlakunya kezaliman dan pencerobohan. Bagi mengelakkan pencerobohan dan kezaliman tersebut, umat manusia sangat perlu kepada keadilan ketika mereka saling bertukar hasil kerja masing-masing. Oleh sebab akal seseorang individu tidak mampu memahami keadilan yang hakiki, maka ia perlu kepada akal yang kulli (menyeluruh) supaya setiap individu boleh mendapat manfaat daripada akal yang kulli itu. Akal kulli itu adalah hanya dalam bentuk undang-undang dan undang-undang itu hanyalah Syariat.

Kemudian untuk menjaga keberkesanan dan pelaksanaan Syariat itu secara menyeluruh dan menjadikannya sebagai rujukan, diperlukan seorang yang berautoriti untuk

melaksanakannya, itulah tugasnya nabi. Seterusnya untuk mengekalkan penguasaan zahir dan batinnya ke atas manusia secara berterusan, Nabi perlu lebih unggul dan istimewa dari segi fizikal dan rohani. Baginda juga memerlukan satu bukti untuk menunjukkan betapa kuat hubungannya dengan Tuhan Yang Mencipta, dan bukti itu adalah mukjizat-mukjizatnya.

Seterusnya, untuk memastikan kepatuhan terhadap perintah dan menghindari larangan Allah SWT, kebesaran Pencipta perlu ditanam dalam fikiran manusia secara berterusan, dan ini hanya mungkin dengan akidah iaitu melalui manifestasi hukum-hakam keimanan. Kemudian, untuk mengukuh dan menyuburkan hukum-hakam keimanan, ia hanya boleh dilakukan dengan ibadah yang berulang dan berterusan.

Kedua:

Tujuan ibadah adalah untuk mengarahkan pemikiran-pemikiran ke arah Pencipta yang Maha Bijaksana. Tawajuh (menuju ke arah-Nya) oleh hamba kepada Pencipta Yang Maha Bijaksana perlu kepada dorongan kepatuhan dan ketundukan. Kepatuhan dan ketundukan juga memasukkan hamba ke dalam susunan sistem yang paling sempurna. Dengan seorang hamba mengikuti susunan ini, rahsia hikmah kebijaksanaan dapat direalisasikan. Kebijaksanaan ini juga ditampikan oleh seni yang sempurna yang terdapat dalam lembaran alam semesta.

Ketiga:

Manusia ialah seperti pusat segala susunan ciptaan dan undang-undang fitrah serta sinaran peraturan-peraturan Ilahi di alam semesta ini. Manusia perlu mempunyai hubungan dan mengikut undang-undang tersebut serta berpegang teguh dengan peraturan-peraturan itu supaya dapat bergerak selari dengan pergerakan umum alam semesta supaya dia tidak tergelincir, terjatuh dan hancur dalam aktiviti pusingan-pusingan lapisan alam semesta. Dan ini hanya boleh dicapai melalui ibadah, yang terdiri daripada mematuhi perintah-perintah dan menjauhi larangan-larangan-Nya.

Keempat:

Dengan mematuhi perintah-perintah dan larangan-larangan-Nya, seseorang akan memperoleh banyak hubungan kait dan martabat dalam pelbagai lapisan masyarakat, terutamanya tentang hukum-hakam agama dan kepentingan-kepentingan umum, maka seseorang individu akan menjadi seperti wakil kepada satu kumpulan masyarakat. Dengan ini banyak hak, kehormatan, panduan, pengajaran, pembaikan dan tanggungjawab diletakkan di atas bahu seseorang itu. Jika orang itu tidak mengikut perintah dan tidak menjauhi larangan-Nya, maka semua tanggungjawab di atas tidak akan dilaksanakan dan diabaikan.

Kelima:

Seseorang insan melalui keislaman dan ibadah yang dilakukannya mempunyai hubungan yang teguh dengan

semua orang Islam yang lain dan juga mempunyai ikatan yang kuat di antara mereka. Ikatan tersebut menjadi penyebab untuk melahirkan ukhuwah yang kukuh dan kasih sayang yang hakiki. Ukhuwah dan kasih sayang ini adalah penyebab pertama dan utama untuk kesempurnaan masyarakat dan kemajuannya.

Penjelasan bagaimana ibadah boleh menjadi penyebab pencapaian dan kesempurnaan diri:

Insan, meskipun dia mempunyai jasmani yang kecil, daif dan lemah serta ia dianggap sebagai terdiri daripada jenis haiwan, tetapi dia mempunyai roh yang tinggi, kemampuan yang besar, keinginan yang tidak terbatas, kehendak yang tidak terhingga, harapan yang tidak terhad, mempunyai kekuatan *shahawiyyah* (syahwat) dan *ghadabiyyah* (marah) yang tidak terbatas dan diciptakan dalam bentuk yang ajaib seumpama satu indeks untuk semua jenis ciptaan dan alam.

Manusia seperti di atas, rohnya dikukuhkan oleh ibadah. Ibadahlah yang mengembangkan dan menyempurnakan keupayaannya. Ibadah juga mendidik dan membersihkan kecenderungannya. Ibadah juga adalah wasilah bagi merealisasikan cita-citanya. Begitu juga, ia adalah perantara bagi mengatur dan mengikat pemikirannya. Ibadah juga adalah sebab bagi membataskan dan mengekang kekuatan *shahwiyyah* (syahwat) dan *ghadabiyyahnya* (marah). Ibadah juga menghilangkan karatan tabiat yang mengotorkan anggota-anggota yang zahir dan batin. Ibadah juga membawa manusia ke arah kesempurnaan yang ditakdirkan. Ia juga adalah hubungan paling tinggi dan

halus antara hamba dan Tuhan yang disembahnya. Ia juga adalah kesempurnaan yang tertinggi untuk manusia dalam hubungan dan kaitan tersebut.

Peringatan:

Roh ibadah adalah ikhlas. Ikhlas adalah apabila ibadah hanya dilaksanakan kerana ia diperintahkan. Jika ada satu hikmah atau satu faedah yang lain menjadi sebab untuk ibadah, ibadah itu menjadi batil. Faedah-faedah dan hikmah-hikmah yang lain hanya boleh menjadi penguat, tidak boleh menjadi penyebab.

Apabila al-Quran al-Karim menjemput manusia untuk bersolat dengan perintah (يَا أَيُّهَا النَّاسُ اعْبُدُوا...إِلَٰهَ) yang bermaksud, “Wahai manusia, beribadahlah kamu...”, dan mereka bertanya melalui lisan al-hal, kenapa kita perlu beribadat, apakah sebabnya? Al-Quran menyatakan (رَبِّكُمْ الَّذِي خَلَقَكُمْ...إِلَٰهَ) yang bermaksud, “Tuhan kamu yang menciptakan kamu...” untuk menjawab soalan tersebut dan menzahirkan dalil-dalil kewujudan Allah SWT.

